AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

# ڤليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 5 | RABU 4 FEBRUARI, 1987. | 1407 رابو 4 جمادي الاخير | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dipersembahkan dengan sebuah cenderamata yang disembahkan oleh Pemerintah Kapal Induk Amerika USS KITTY HAWK, Admiral Kihune. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Kebawah D.Y.M.M. lawat Kapal Induk Amerika Syarikat

MUARA. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemarduli melawat Kapal Induk Amerika Syarikat USS KITTY HAWK yang berlabuh di Laut China Selatan, kira-kira 96 kilometer dari perairan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke kapal tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemerintah Kapal tersebut, Admiral Kihune serta beberapa orang pegawai kanan kapal induk tersebut.

Kemudian selepas itu, Baginda dijunjung melawat ke sekitar kapal induk yang berukuran 1,065 kaki panjang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghabiskan masa lebih empat jam berada di kapal tersebut.

Lihat muka 3

### MANISNYA IMAN

**"SIAPA yang dibiarkan sesat oleh Allah, tiadalah orang yang akan memberi petunjuk kepadanya. Dan Allah membiarkan mereka dalam kederhakaannya mengembara tak tentu arah." — Makna ayat 186 Surah Al-A'raf.**

### Pencemaran bahan pewarna:

## Makanan kita selamat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak berkuasa kesihatan di negara ini memberi jaminan kepada orang ramai bahawa semua barang-barang makanan dan minuman yang dijual di Negara Brunei Darussalam adalah selamat.

Kenyataan itu dibuat selepas pihak berkuasa Malaysia mengharamkan bahan-bahan pewarna di dalam minuman ringan yang mengakibatkan kanser dan merbahaya kepada mata.

Menurut Pemangku Ketua Merinyu Kesihatan, Awang Mohammad Amin bin Abdullah, pengawasan terhadap bahan-bahan makanan di negara kita adalah selamat.

Pihaknya, kata beliau telah menghantar ke Singapura beberapa contoh bahan pewarna yang berlainan untuk penganalisaan dan hasilnya telah disahkan yang semua bahan pewarna yang digunakan telah diluluskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Beliau menambah pihaknya juga telah menghantar beberapa jenis barang-barang makanan dari masa ke semasa untuk penganalisaan bagi memastikan semua barang-barang makanan selamat untuk di makan.

### Negara-negara anggota OIC diseru

# Jangan adakan hubungan dengan Yahudi

**KUWAIT. — Negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) diseru supaya tidak mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan negara Yahudi.**

Seruan itu terkandung dalam satu kenyataan bersama di akhir sidang kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam yang berlangsung di Kuwait baru-baru ini.

Kenyataan itu juga bersetuju untuk menyeru bagi diadakan secepat mungkin satu sidang damai antarabangsa, Timur Tengah, anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu dengan disertai oleh semua pihak yang berkenaan termasuk Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan bagi mencari jalan menyelesaikan masalah Palestin dan Timur Tengah dengan adil dan berkekalan.

Sidang kemuncak OIC kali ke-5 itu juga mengambil ketetapan dengan menyeru agar Soviet Union mengundurkan bala tenteranya dari Afghanistan.

Di samping itu, satu ketetapan mengenai Perang Iraq-Iran dan ketetapan mengenai khemah-khemah pelarian Palestin di Lubnan telah juga dibuat.

Lihat muka 20

### PETIKAN TITAH

**"Adalah hasrat Beta supaya segala usaha dalam bidang kemajuan yang dirancang serta dilaksanakan oleh Kerajaan Beta akan dirasai nikmatnya oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini."**

*Dititahkan sempena Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15 Ogos, 1981.*

## Jangan ketinggalan menggunakan metrik

Pelita Brunei

4 FEBRUARI, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## SUMBANGAN BELIA DALAM MEMUPUK PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN

PENGLIBATAN belia tanahair dalam memupuk dan mengekalkan perpaduan adalah suatu sumbangan yang paling bererti bagi keutuhan bangsa kita.

Perpaduan para belia kita melalui kegiatan-kegiatan berpersatuan atau secara berkelompok mengerjakan amal-amal kebajikan telah membolehkan kita membangun negara, di samping membolehkan kita memantapkan lagi aspirasi bangsa yang sejak turun-temurun sentiasa taat kepada raja, taat mengerjakan suruhan-suruhan ugama, beradat dan beradap.

Kemantapan sosio-politik-ekonomi negara cukup membantu para belia untuk bergerak ke arah yang sempurna dalam semua bidang. Kita semua bertanggungjawab dalam melengkapkan diri para belia tanahair dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Adalah suatu kenyataan bahawa pada masa ini tiga suku dari jumlah penduduk tanahair adalah terdiri dari mereka yang berumur 24 tahun ke bawah, suatu jumlah 'asset negara' yang harus diambil kira dalam setiap persiapan rancangan pembangunan pada masa akan datang.

Pembangunan suatu bangsa tidak semata-mata diukur dari kemantapan ekonomi dan sosio-budayanya tetapi juga kesanggupan serta kemampuan belia kita memahami dan menyertai aktiviti-aktiviti pembangunan yang termasuk juga memupuk semangat perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat.

Ke arah itu, pelbagai pihak tidak kendur-kendurnya membimbing para belia tanahair baik dalam meningkatkan mutu kepimpinan, kesukanan, kemasyarakatan mahupun mengembangkan kesedaran berekonomi dengan pemikiran untuk meninggikan lagi taraf hidup masing-masing.

Sikap positif di kalangan belia tanahair haruslah diamalkan di samping sentiasa memelihara serta melindungi diri masing-masing dari anasir-anasir yang boleh merosakkan fikiran dan cara hidup. Kerana itu, belia didedahkan kepada peningkatan mutu kepimpinan dengan cara mendengar ceramah-ceramah khas mengenai kepimpinan daripada mereka yang pakar dalam bidang ini.

Kemudahan-kemudahan kesukanan serta riadah yang disediakan oleh Kerajaan melalui jabatan tertentu hendaknyalah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh para belia. Kita masih berkehendakkan belia yang cekap dan aktif dalam sukan dan sekaligus dapat mengharumkan nama negara di bidang ini.

Dalam pada itu, kesedaran bernegara haruslah dipupuk dengan cara mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan Kerajaan dengan pemikiran lawatan serupa ini akan mendekatkan lagi para belia tentang cara kita bernegara agar semangat cintakan bangsa dan negara akan bertambah kental dan berkekalan.

Peranan aktif belia dalam kegiatan ekonomi hendaklah ditingkatkan agar sejajar dengan rakan belia di negara-negara lain khususnya di rantau ini. Kerajaan sentiasa terbuka dan berusaha untuk menunjuk ajar para belia supaya cenderung dalam bidang ini kerana ia adalah merupakan sebahagian daripada projek Rancangan Kemajuan Negara Kelima.

Penglibatan belia tanahair dalam setiap pembangunan, kegiatan mental, fizikal serta sosial dalam memantapkan pertumbuhan suatu bangsa yang berwibawa adalah merupakan penanaman modal jangka panjang yang menguntungkan sesebuah negara. Ia juga salah satu benteng bagi mengekang belia tanahair daripada terlibat dalam penyalahgunaan dadah, anti-sosial dan anti-susila negara kerana kita tidak dapat merelakan nilai istimewa belia itu diabai-abaikan.

### Ke arah memperbaiki taraf hidup, keselamatan dan ekonomi negara:

# Peranan undang-undang penting



*SABDA ucapan penuh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang di upacara pembukaan rasmi Tahun Undang-Undang yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Besar pada 19 Januari, 1987.*

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

Yang Berbahagia Ketua Hakim, para jemputan terkemuka, para Peguam, tuan-tuan dan puan-puan.

Dengan tugas saya sebagai Peguam Negara, saya amat berbesar hati mengalu-alukan Tuan Ketua Hakim dalam upacara pembukaan rasmi Tahun Undang-Undang bagi Brunei Darussalam.

Kami bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala atas limpah kurnia-Nya yang membolehkan kita di Brunei Darussalam terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran. Memandangkan kita berupaya mengekalkan keteguhan kewangan kita meskipun terus menghadapi kemelesetan ekonomi jelas membuktikan adanya pengurusan yang bijaksana terhadap hasil sumber negara.

Dalam terus menikmati suasana aman dan mantap serta ekonomi yang teguh, peraturan undang-undang yang dikuatkuasakan mempastikan perlindungan yang sah dan penjagaan terhadap nyawa dan harta benda dengan wujudnya pengadilan yang bebas dan tidak berat sebelah. Yang demikian dapat memberikan suasana yang penuh keyakinan yang membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus-menerus menumpukan usahanya ke arah pembangunan negara — membaiki taraf hidup, keselamatan dan kemajuan ekonomi bagi penduduk Brunei Darussalam. Dalam kesemuanya ini undang-undang memainkan peranan yang penting.

Dalam upacara yang formal seperti ini, adalah menjadi kelaziman bagi saya untuk merujuk kepada perjanjian yang wujud sekian lama sejak tahun 1963 di antara Brunei Darussalam dan United Kingdom di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melantik Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi Brunei Darussalam dari kalangan Hakim-Hakim Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di Hong Kong. Bilamana dilantik serta menjalankan fungsi sebagai Hakim Brunei Darussalam, mereka harus taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta mentadbir undang-undang Brunei Darussalam mengikut kelaziman dan adat di negara ini. Brunei amat menghargai cara penyusunan ini yang mempastikan pemeliharaan yang tinggi dalam pentadbiran keadilan.

**Pelihara**

Perlantikan para Hakim dari luar ini akan diteruskan sehinggalah terdapat rakyat Brunei yang sesuai dan cukup kelayakannya untuk menggantikan mereka serta memelihara taraf penghakiman pada masa ini. Tidak perlu bagi saya menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menganggap perlantikan rakyat Brunei bagi jawatan penting dalam jurusan kehakiman sebagai satu matlamat yang penting. Ini telah pun diperolehi bagi Kamar Peguam Negara.

**Terjemahan ini disesuaikan daripada sabda ucapan dalam bahasa Inggeris.**

Ketua Hakim, para jemputan terkemuka, tuan-tuan dan puan-puan.

Perhimpunan tahunan ini menandakan pembukaan Tahun Undang-Undang yang memberikan peluang yang tidak ternilai harganya bagi Peguam Negara untuk mengenang semula peristiwa-peristiwa yang ada kaitannya dengan pentadbiran undang-undang dan peraturan.

Pada tahun lepas saya merujuk kepada 1 Januari 1986 sebagai ketandaan yang penting dalam sejarah undang-undang kita dengan penguatkuasaan edisi yang baru disemak bagi undang-undang Brunei dengan sistem bercurai yang membolehkan pembaharuan dilakukan bila-bila diperlukan. Oleh kerana tarikh pemotongan bagi edisi yang disemak itu ialah 1 Januari 1984 adalah perlu untuk mengemaskinikan lagi edisi itu untuk memasukkan perundangan yang telah dikuatkuasakan sejak tarikh pemotongan itu dan juga beberapa undang-undang yang tidak dimasukkan. Untuk mencapainya adalah perlu untuk mengeluarkan dari masa ke masa undang-undang tambahan yang disemak untuk dimasukkan dalam sambungan jilid bercurai bagi edisi jilid bercurai. Jilid sambungan seperti itu akan disebut Volume XI. Ianya dimaksudkan untuk menyatukan jilid bercurai ini dengan bab tambahan yang akan dijual sedikit masa lagi.

**Akta Baru**

1 Januari 1987 menandakan satu lagi peringkat penting dalam sejarah undang-undang Brunei. Ianya adalah tarikh di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan melantik sebagai tarikh di mana syarat-syarat utama dalam Akta Iktisas Undang-Undang mula dikuatkuasakan. Akta baru ini yang diperbuat dalam tahun 1983 menggantikan Enakmen Peguambela 1957. Adalah diharapkan agar di bawah syarat-syarat dalam Akta baru ini, Iktisas Undang-Undang akan dapat dikawal dengan lebih teratur dengan cara yang sama sebagaimana lazimnya bagi para peguam lain di negara-negara jiran.

Satu ciri penting dalam Akta Iktisas Undang-Undang ialah jentera bagi mendengarkan pengaduan terhadap Peguambela dan Peguamcara yang telah disebut oleh Ketua Hakim. Berpandukan kepada bilangan aduan yang diterima dari orang ramai sejak beberapa tahun yang lalu jentera yang disediakan dalam Akta baru hendaklah dialu-alukan oleh orang ramai dan juga oleh anggota iktisas yang mempunyai kepentingan yang amat mustahak dalam perlaksanaan yang teratur di Mahkamah di samping mengekalkan kesempurnaan Mahkamah.

Lihat muka 3

## Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1958, pihak Kerajaan Brunei telah memulakan skim pinjaman kepada rakyat di seluruh negara bagi mendapatkan pinjaman kewangan bagi tujuan perniagaan dan perusahaan.

Skim pinjaman pada masa itu diperuntukkan sebanyak 70 hingga 95 peratus saja dari jumlah pinjaman yang sebenarnya. Peminjam-peminjam pula telah dikenakan bayaran faedah sebanyak lima peratus oleh pihak Kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengenakan syarat-syarat yang lain antaranya ialah peminjam-peminjam dikehendaki mendirikan perusahaan-perusahaan mereka iaitu di atas tapak tanah mereka sendiri.

Skim tersebut disifatkan sebagai yang pertama diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat di negara ini.

## Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 12 Januari 1966 mencatatkan mengenai hasrat Kerajaan Brunei untuk membina dua buah rumah di Tanah Suci, Mekah untuk kegunaan jemaah-jemaah haji dari negara ini.

Hasrat Kerajaan untuk membina rumah itu dijelaskan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin (sekarang dikenali Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj).

Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa rumah tersebut akan dinamakan 'Rumah Brunei'.

"Dengan adanya tempat kediaman itu dapatlah memberi pertolongan dan kemudahan yang besar kepada jemaah-jemaah haji dari Brunei yang menunaikan fardu haji," sabda Yang Amat Mulia.

# Lawatan Kebawah D.Y.M.M. ke kapal Induk Amerika Syarikat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima sebuah cenderamata ketika Baginda berangkat melawat Kapal Induk Amerika Syarikat USS KITTY HAWK baru-baru ini.

Gambar oleh Harun Rashid

Dari muka 1

Baginda juga telah berkesempatan menyaksikan beberapa pertunjukan yang diadakan termasuk oleh jet-jet pejuang, operasi mengisi minyak di udara, operasi menyelamat serta operasi serangan.

## Dipersembahkan cenderamata

Di samping melawat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah dipersembahkan dengan beberapa cenderamata oleh Pemerintah serta lain-lain pegawai kapal tersebut.

Adalah difahamkan bahawa kapal tersebut berkemampuan membawa sehingga 90 buah jet pejuang serta boleh membawa seramai 5,000 orang anak buah.

## Mengiringi

Berangkat mengiringi Baginda dalam lawatan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, serta beberapa orang pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyaksikan peralatan-peralatan yang terdapat di kapal tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima penerangan dari salah seorang pegawai kanan ketika Baginda berangkat melawat kapal tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memeriksa perbarisan.

# Undang-undang memainkan peranan penting

Lihat muka 2

Berhubung dengan kemungkinan menubuhkan Kesatuan Undang-Undang pula, memandangkan bilangan rakyat Brunei yang menceburkan diri dalam perusahaan persendirian adalah kecil, adalah dirasakan tidak bersesuaian pada tahap ini untuk menguatkuasakan syarat-syarat dalam Akta yang menyentuh tentang Kesatuan Undang-Undang selaras dengan keperluan untuk mempastikan bahawa kepentingan dalam negeri adalah cukup terkawal.

### Berwaspada

Di masa-masa lalu kita merasa amat bimbang dengan meningkatnya kejadian jenayah yang serius terutama sekali pecah rumah dan rompakan. Jenayah seperti ini menimbulkan rasa kebimbangan di kalangan rakyat dan penduduk. Dengan adanya pengawalan dan kecekapan Pasukan Polis Diraja Brunei, kejadian seperti itu telah pun berkurangan. Bagaimanapun dalam tahun 1986 timbul pula kegiatan jenayah yang baru, iaitu jenayah Kolar Putih. Pada umumnya ia dianggap membahayakan ekonomi atau pendapatan serta kebajikan masa depan para penduduk. Jenayah Kolar Putih dan jenayah pertubuhan adalah jauh lebih serius, merosakkan, mudah merebak serta bertopengkan penghormatan. Ianya secara langsung melibatkan kepercayaan dan kemantapan dan di beberapa buah negara ianya dengan tepat sekali dianggap seburuk pengkhianatan. Yang demikian kita perlu berwaspada dan langkah-langkah patut diambil untuk menghalang merebaknya jenayah komersial ini.

Perkara lain yang perlu diambil berat seperti yang kerap diulangi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baru-baru ini dalam perutusan titah tahun baru, Baginda menyebutkan tentang bahaya penyalahgunaan dadah terhadap sebuah negara yang sebahagian besar penduduknya adalah kaum belia. Undang-undang kita telah pun meliputi perintah hukuman mati atas kesalahan mengedarkan dadah seperti yang berlaku di negara-negara jiran. Perkara seperti ini tidak timbul di masa lalu bagi menguatkuasakan hukuman mati dalam undang-undang. Seperti juga undang-undang di negara-negara jiran kita, undang-undang bagi penyalahgunaan dadah mengamalkan sikap berperikemanusiaan terhadap para penggunanya. Dalam hal ini pertimbangan utama ialah dengan jalan pemulihan ke dalam masyarakat. Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Baginda kerap mengingatkan akan bahaya penyalahgunaan dadah dalam masyarakat kita untuk mempastikan kita tidak mengambil ringan terhadap perkara ini. Oleh itu kita akan terus mengikuti dengan terperinci perkembangan undang-undang dadah di negara-negara jiran serta mengemaskinikan undang-undang kita di mana perlu.

Adalah menjadi kelaziman dalam upacara pembukaan rasmi Tahun Undang-Undang untuk melahirkan rasa dukacita kerana meningkatnya kejadian kemalangan di jalan raya yang mengakibatkan kematian dan kecederaan. Seperti yang berlaku di seluruh dunia keadaan lalulintas di Brunei menjadi lebih rumit dengan meningkatnya bilangan penduduk dan pembangunan yang bertambah pesat. Perkara ini terus menerima perhatian yang khusus dari kerajaan. Ianya merupakan satu masalah yang bukannya unik bagi Brunei tetapi sesuatu yang serius.

Dalam upacara tahun lepas, saya melahirkan rasa besar hati saya kerana Jabatan Peguam Negara akan berpindah ke bangunan baru yang terletak bersebelahan dengan Bangunan Mahkamah Besar. Bangunan baru itu yang dinamakan Bangunan Undang-Undang yang terletak berdekatan dengan Mahkamah bukan sahaja membolehkan urusan pekerjaan yang lebih rapat dan efisien tetapi kedudukannya yang berasingan itu adalah selaras dengan doktrin pengasingan kuasa.

Sebagai penutup saya ingin mengucapkan bagi pihak anggota dewan penghargaan kepada Ketua Hakim, kakitangan kehakiman dan para hakim atas kerjasama dan pertimbangan serta kesabaran mereka dalam melaksanakan tugas yang begitu sukar, dan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei serta para Peguam atas kerjasama mereka.

Saya mengucapkan semoga berjaya dan aman makmur dalam menyambut tahun 1987 kepada Ketua Hakim dan kakitangan Kehakiman dan para Peguam, jemputan-jemputan terkemuka, tuan-tuan dan puan-puan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-366

# Hijab Perempuan

**Bahagian kedua**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

ORANG-orang yang tersebut dalam salsilah (sanad) riwayat pada siri yang lalu ialah orang-orang yang kuat sungguh kepada kepercayaannya, dan pada ingatannya dan dzabitnya seperti gunung yang tercacak dengan tegak, maka Al-Imam Ibnu Jarir itu seorang hafiz dalam ilmu hadis yang terkenal namanya di kalangan ulama dan ahli tafsir yang terkenal dan masyhur, gurunya Yakub bin Ibrahim Al-'Abdi itu, dan gurunya ialah Ibnu Aulaiyah Ismail bin Ibrahim bin Miqsam, dan gurunya ialah Ibnu 'Aun Abdullah Al-Basri, dan gurunya ialah Muhammad bin Sirin, semuanya mereka hafiz dalam ilmu hadis, ahli Thiqah (kepercayaan), dan telah sekata ulama hadis yang enam yang besar-besar itu meriwayatkan hadis-hadis yang dibawa oleh mereka radhiallahu anhum, dan 'Abidah itu ialah Assalmani yang telah kita huraikan halnya dan telah meriwayatkan hadis daripadanya oleh sekumpulan ulama hadis.

Sahabat Ibnu Mas'ud telah mentafsirkan firman Allah Taala 'Illa maa dzahara minhaa' (dalam Surah An-Nur ayat 31) dengan bermakna baju, yakni jangan perempuan-perempuan itu menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang nampak daripada mereka iaitu pakaian mereka. Ada tafsirnya juga dengan celak dan cincin yakni tempat keduanya dari muka dan di tangan yakni melainkan tempat celak iaitu mata dan tempat cincin iaitu jari tangan. Tafsirnya yang kedua itu tidak dipakainya dan ia memakai tafsir yang pertama, sahabat Ibnu Mas'ud itu seorang yang alim yang penuh ilmu pengetahuan sebagaimana kata Sayidina Umar, jadi tafsir daripada sahabat Ibnu Mas'ud itu sama dengan tafsir Attabi'i 'Abidah itu, dan sama dengan tafsirnya pada perkataan Azzinah dengan erti pakaian dalam firman Allah Taala dalam Surah Al A'araf ayat 31 yang tafsirnya: "Ambillah dan pakailah baju atau pakaian ketika kamu sembahyang dan tawaf." (Dari Tafsir Al-Jalalain).

Telah diriwayatkan oleh Ibnu Abi Talhah sahabat Ibnu Abbas radhiallahu anhuma juga telah mentafsirkan Al-Idna' dalam ayat Quran yang tersebut dahulu itu dengan erti menampakkan satu mata sahaja sebagaimana yang ditafsirkan oleh Attabi'i 'Abidah itu.

Telah sah daripada Sayidatina Aishah radhiallahu anha tafsir seperti itu, dan telah menjadi pegangan atau mazhab bagi Sayidatina Aishah (sebagaimana tafsir Attabi'i 'Abidah).

Maka meletakkan kain selindang yang tebal di atas muka sekira-kira tiada menegah perempuan dari melihat jalan ketika ia berjalan di atas jalan, maka dikatakan juga hijab, berlindung dari pandangan laki-laki asing, kerana tujuan asal dari berlindung iaitu jangan nampak kecantikkan perempuan kepada laki-laki dan hijab yang begitu rupa menegah dari nampak di hadapan laki-laki asing, selagi laki-laki asing menurunkan pandangan yang diperintahkan dari memandang perempuan, sebagaimana juga diperintahkan perempuan menurunkan pandangan daripada laki-laki asing.

Kata Attabi'i 'Abidah yang dahulu sebutannya itu telah dipakai oleh jamhur atau kebanyakkan ulama assalaf yang dahulu, dan dengannya, maka Al-Imam Abu Bakar Arrazi Al-Jashshash dalam kitabnya Ihkamul Quran telah memakainya, Al-Imam Al-Jashshash itu tinggi kadarnya di kalangan ulama Fiqeh dan Ahli Fiqeh Mazhab Hanafi.

Adapun mengharuskan membuka muka dan dua tapak tangan luarnya dan dalamnya di dalam sembahyang, dan dalam ihram haji, maka tiadalah menunjukkan harus dan boleh yang demikian itu dilakukan oleh perempuan ketika ia keluar rumah kerana menunaikan sesuatu hajatnya, kerana keadaan berihram perempuan itu adalah ia suatu keadaan perempuan yang sedang mengerjakan ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala, begitu juga orang-orang haji, begitu juga mengerjakan ibadat haji, maka mereka semua dalam keadaan yang sangat-sangat menutup pandangan dan memelihara pandangan, dan sembahyang perempuan dalam rumahnya atau dalam biliknya, tiadalah dapat dirupakan dalam keadaan sembahyang bahawa ada dzan laki-laki asing akan melihat kecantikkan perempuan, maka dari itu tiadalah dapat dikiaskan keduanya dengan keadaan keluar perempuan dari rumahnya pada menunaikan sesuatu hajat atau sesuatu perkara, di dalam keadaan suasana yang rosak, bagaimanapun dikecualikan ketika ihram dan ketika sembahyang adalah terkandung dalam ayat Quran itu.

Ayat Quran itu terang pada wajib melabuhkan hujung baju ke mata dari bawah dan dari atas mata, sebagaimana telah dinaqalkan oleh ulama-ulama besar yang dipercayai dan yang dipegang perkataan mereka, daripada setengah mereka akan setengah mereka, sebagaimana telah lalu sebutannya.

Adapun hadis yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aishah yang tersebut dalam Kitab Sunan Abu Daud (Idzaa balagha til maratul muhiidh) yang membawa erti mengecualikan muka dan dua tapak tangan, jikalau sah hadis itu, maka Sayidatina Aishah tiada memakai hadis itu, maka menunjukkan hadis itu ada 'illah (sebab boleh ditolak hadis itu), yang membawa tiada boleh dipakai hadis itu untuk dalil oleh Jamhur ulama Salaf, bagaimanapun ada padanya riwayat Khalid bin Durik daripada Sayidatina Aishah dan Durik itu tiada berjumpa Sayidatina Aishah, dengan ittifak sekalian ulama padanya, dan Sa'id bin Bisyr yang ada di dalam sanad itu adalah dhaif dan lemah keadaannya, di dalamnya juga ada 'An'anah yang dibawa oleh setengah-tengah orang Mudallis (dari sebab-sebab itu hadis itu ditolak).

Adapun kata-kata yang dinaqalkan dan diriwayatkan daripada ulama Islam dari seluruh negeri Islam, bahawa harus didedahkan muka perempuan dan dua tapak tangan (luar dalam) perempuan itu, adalah dikaitkan dengan tiada takut fitnah, di mana ada masyarakat yang halus sopan santun yang aman manusia dari kena fitnah ketika perempuan keluar dari rumah dengan terdedah itu.

WALLAHUAKLAM

(bersambung)

## Pegawai-Pegawai Masjid dingatkan:

# Jangan anggap ringan kewajipan Fardu Kifayah



MENTERI Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Yang Behormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Hj. Seruddin ketika memberikan ucapan perasmian Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Masjid Seluruh Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Harun Rashid.

Oleh: Zubaidah Haji Salat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai-pegawai Masjid diingatkan supaya jangan menganggap ringan terhadap kewajipan Fardu Kifayah dan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat Islam seperti dalam majlis-majlis kerajaan atau orang ramai.

Ini disedari bahawa Pegawai-pegawai Masjid adalah sebahagian daripada ejen penggerak terhadap kemajuan ugama Islam terutama penglibatan mereka dalam serba-serbi dan rencah kehidupan masyarakat, selain dari tanggungjawab mereka di masjid.

Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned mengingatkan demikian di Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Masjid seluruh negara yang berlangsung di sini pada 22 Januari lepas.

Perjumpaan tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Yang Behormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Seruddin.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, masyarakat Islam boleh jadi pincang dan lemah sekiranya Pegawai-pegawai Masjid sendiri tidak menjalankan tanggungjawab mereka.

"Di sini dapatlah kita katakan bahawa Pegawai-pegawai Masjid itu ialah guru dan bahkan ulama, kerana dalam tahun 50an Pegawai-pegawai Masjid adalah mengambil peranan yang amat penting dalam mengembangkan syiar Islam," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Yang Dimuliakan Pehin berkata Pegawai-pegawai Masjid adalah dianggap ketua di samping menjadi guru Quran dan guru ugama sama ada di masjid, di rumah-rumah mereka atau di balai-balai. Pegawai-pegawai Masjid berfungsi menjadi tempat mengaji mukaddam dan Al-Quran.

Walaupun perkara ini barangkali tidak menyeluruh, jelas Yang Dimuliakan Pehin tetapi ia pernah wujud dan berleluasa dalam masyarakat kita, iaitu suatu gambaran tentang sumbangan dan peranan Pegawai-pegawai Masjid.

Selain daripada fungsi mereka sebagai guru dan pemimpin dalam masyarakat Islam juga ialah sifat-sifat mereka yang sepatutnya ada pada mereka bertepatan dengan takrif ulama yang diberikan di dalam Al-Quran dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu kita percaya, jelas Yang Dimuliakan Pehin mereka adalah orang-orang salih, berakhlak mulia, menjaga maruah, takutkan perkara-perkara haram dan takutkan azab Allah Taala dan yang lebih penting mereka beramal dengan ilmu mereka.

Menurut pihak penganjur, dengan adanya perjumpaan tersebut akan dapat membantu Pegawai-pegawai Masjid di seluruh negara bagi menambah ilmu pengetahuan ugama, khasnya perkara-perkara Fardu 'Ain di samping menuju ke arah pembacaan Al-Quran yang lebih sempurna.



PEGAWAI-PEGAWAI Masjid dari seluruh negara yang menghadiri perjumpaan tersebut di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 22 Januari lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Pameran buku-buku rujukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — British Konsul akan mengadakan pameran buku-buku rujukan dan kamus Oxford bermula pada 2 hingga 5 Februari depan di Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara.

Menurut jurucakapnya, sejumlah 300 hingga 400 buah buku akan dipamerkan dalam pameran itu yang bertujuan bagi meningkatkan lagi bidang pelajaran di antara Britain dengan negara-negara luar.

Menurut jurucakap itu lagi pameran tersebut dibuka pada jam 9.30 pagi dan dijangka akan dirasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.




# Sembahyang sempurna, amalan lain juga sempurna

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Semasa kita hidup di alam yang fana dan hanya sementara ini, marilah kita sentiasa berusaha untuk melakukan sesuatu yang benar-benar dapat mendatangkan keredaan Allah Subhanahu Wataala. Dan apa yang kita usahakan itu hendaklah kita buat dengan bersungguh-sungguh mengikut kemampuan dan keupayaan kita. Begitupun juga di dalam meninggalkan apa-apa jua perbuatan yang mana perbuatan itu boleh mendatangkan kemurkaan Allah kepada kita. Sebenarnya kalau kita melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu perbuatan yang diredai Allah, yang mana kita lakukannya kerana taat dan patuh kepada Allah serta ikhlas kepada-Nya, maka itu adalah terjumlah di dalam ibadat. Kerapa pengertian ibadat itu adalah sangat luas sekali. Di dalam banyak-banyak ibadat itu, maka yang perlu dan sangat mustahak dijaga dan dipelihara ialah salat (sembahyang), iaitu jangan sampai ibadat salat (sembahyang) kita itu tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

Kita hendaklah ingat bahawa sembahyang (salat) itu selain ianya sebagai tiang ugama kita, iaitu dengan mendirikan sembahyang yang wajib itu, maka bererti kita adalah orang yang berugama. Sebaliknya dengan kita meninggalkan sembahyang maka tidaklah ubahnya kita itu seperti orang yang tidak berugama.

### Hari perkiraan

Selain daripada itu apa yang lebih penting bagi kita sebagai seorang yang beriman kepada hari kiamat, iaitu hari perkiraan dan perhitungan bagi segala amal dan perbuatan kita semasa hidup kita di dunia ini, di mana pada waktu itu nanti, perkara atau amal perbuatan kita yang mula-mula akan dikira dan diambil perhitungan ialah sembahyang. Ini jelas sepertimana hadis Rasulullah ada menyatakan yang maksudnya kira-kira: *"Sesungguhnya yang pertama-tama sekali akan dilihat di hari kiamat nanti daripada amal hamba-hamba Allah itu ialah sembahyang. Jika didapati ianya sempurna maka ianya diterima dan segala amalan lain juga diterima. Dan jika didapati ianya kurang nescaya ianya ditolak dan segala amalan yang lain pun ditolak sama."*

Kalaulah demikian hal betapa pentingnya ibadat sembahyang itu, maka tidak dapat tidak mestilah ianya kita pelihara dengan sedaya upaya kita. Di antara perkara yang mestilah kita jauhkan supaya jangan sampai sembahyang kita itu menjadi sia-sia sahaja tidak diterima Allah ialah sepertimana yang diterangkan oleh hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang kira-kira maksudnya: *"Ada tiga orang yang pahala sembahyangnya tidak akan diangkat walau sejengkal pun dari atas kepalanya, iaitu tidak akan diterima sembahyangnya. Pertama: Lelaki yang menjadi imam bagi satu jemaah sedang jemaah itu benci (tidak menyukainya), kedua: Seorang isteri yang tidur sedang suaminya marah kepadanya, ketiga: Dua orang yang bersahabat yang saling bermusuhan."*

Kalau kita perhatikan kepada maksud hadis di atas dari segi sebab mengapa tiga golongan itu dihubung kaitkan dengan ibadat sembahyang mereka, ini tidak lain ialah, di mana dua golongan daripadanya adalah melibatkan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dengan sempurna dan sebaiknya. Manakala satu golongan lagi ialah yang melibatkan hubungan silaturahim yang mesti sentiasa dipelihara bersama.

### Kelakuan Imam

Di dalam hubungan tanggungjawab sebagai imam bagi suatu jemaah memanglah suatu tugas yang berat terutama jangan sampai ada orang dari jemaah itu merasa tidak senang dengan kelakuan dan perbuatan imam baik di dalam sembahyang mahupun di luar sembahyang. Kerana kalau keadaan sperti itu terjadi maka akan termasuklah imam itu ke dalam maksud hadis yang disebutkan tadi.

Manakala golongan kedua yang juga melibatkan tanggungjawab ialah dari segi tanggungjawab seorang isteri yang semestinya hendaklah berlaku taat kepada suami selama mana suaminya tidak menyuruhnya pada perkara-perkara maksiat atau yang dilarang oleh ugama. Sebagai suami kita hendaklah sentiasa mengingatkan kepada isteri kita akan kebaikan mentaati suami itu supaya jangan sampai terjadi sepertimana yang dinyatakan oleh hadis itu tadi. Untuk tujuan itu kita perhatikan hadis Rasulullah yang kira-kira bermaksud: *"Apabila seorang perempuan itu menjaga sembahyang lima waktunya, puasanya di bulan Ramadan dan memelihara kemaluannya dan taat kepada suaminya, di hari kiamat nanti dikatakan kepadanya: Masuklah engkau ke dalam syurga dari pintu syurga mana yang engkau suka."*

### Kawan Baik

Manakala golongan ketiga yang termasuk sembahyangnya tidak akan diterima oleh Allah itu ialah

Lihat muka 8

# Lakukan sesuatu pekerjaan berteraskan kerana Allah

**Menuju Keredaan Allah**

SEKALI peristiwa diceritakan bahawa ada seorang sahabat yang bernama Hatib telah mencintai seorang gadis rupawan yang bergelar Ummi Qais. Sebagai kebiasaan orang yang bercinta, Hatib berusaha agar si gadis itu dapat dimilikinya. Dia pun meminang Ummi Qais sewaktu mereka sama-sama berada di Mekah lagi, tetapi malangnya gadis itu telah menolak pinangannya. Kemudian Ummi Qais pun berhijrah pula bersama-sama orang-orang Islam yang berhijrah ke Medinah.

Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Hatib, dia amat berasa dukacita. Oleh sebab terlalu merindukan dan ingin memperisterikan Ummi Qais, lalu Hatib mengambil keputusan untuk berhijrah mengikuti langkah Ummi Qais ke Medinah, dengan harapan agar dia dapat memikatnya dan memujuknya semula sewaktu di Medinah nanti.

Jadi nyatalah sudah bahawa hijrahnya Hatib itu bukanlah semata-mata kerana tujuan asal berhijrah ke sana; iaitu untuk mencari tempat perlindungan bagi ugamanya. Tetapi di sebalik itu ada maksud lain yang lebih diutamakannya; iaitu moga-moga ia dapat menukar keputusan Ummi Qais yang lalu dan moga-moga Ummi Qais akan menerimanya kali ini sebab hatinya sangat sayang dan mencintai Ummi Qais.

Cerita hijrahnya Hatib sepenuhnya telah disampaikan kepada pengetahuan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh kerana itulah, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya: *"Dan barangsiapa hijrahnya kerana dunia (sebab-sebab keduniaan) yang ia ingin memperolehinya, ataupun kerana seseorang perempuan yang ia ingin menikahinya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang ia berhijrah kepadanya."*

Berpandukan hadis ini dapatlah kita mengatakan bahawa penghijrahan Hatib itu tidak mendapat pahala apa-apa pun kerana tujuan utama ia berhijrah adalah semata-mata untuk menawan hati gadis yang dicintainya itu. Sedangkan tujuan utama Nabi dan pengikut-pengikutnya berhijrah adalah untuk membawa diri dan ugama agar terselamat dari fitnah kekufuran yang mengancam di Negeri Mekah, yang mana semata-mata mentaati perintah Allah.

Bagi kita kaum Muslimin yang mengikuti cerita Hatib ini, janganlah menganggap yang celaan ini hanya ditujukan untuk Hatib seorang saja, tetapi di sebalik peristiwa ini ada pengajaran lain yang harus kita perhatikan supaya kita tidak menjadi seperti Hatib, sehingga celaan itu menimpa kita bersama.

Dalam menjalani perintah ugama, janganlah hendaknya kita menyaingi ibadat-ibadat kita itu dengan hal-hal keduniaan. Bersedekah misalnya, janganlah membangga diri dengan melihatkan kepada orang lain kitalah yang paling banyak menghulurkan derma. Kalau terjadi demikian ini bererti kita telah memasukkan hal-hal keduniaan dalam amalan kita.

Begitu juga dengan sembahyang. Kita cuma mendirikan sembahyang yang menjadi kewajipan kita di waktu-waktu tertentu apabila kena 'lagau' bersembahyang berjemaah, sedangkan pada hakikatnya kita lalai dan engkar melakukan kewajipan kita itu. Dan kita melakukannya pula bukanlah kerana suruhan ugama tetapi adalah kerana untuk mengabui mata orang lain. Bukankah ini menipu dan merugikan diri sendiri? Dan ingatlah kewajipan itu tetap kewajipan dan bukan hanya dibuat bila di 'lagau'.

Sama jua halnya dengan membuat sesuatu pekerjaan. Ia sepatutnya dibuat berteraskan kerana Allah, dan bukannya untuk mendapat perhatian dan untuk membenar-benarkan diri.

Kalaulah kita mengharapkan sesuatu, ini bererti kita tidak ikhlas dalam menjalankan sesuatu itu dan bukanlah ia dibuat kerana Allah tetapi berharapkan sesuatu.

Lain-lain misalan dalam perkara ini terlalu banyak, dan ini bergantung kepada niat masing-masing. Oleh yang demikian hendaklah kita berhati-hati dalam hal ini agar ibadat-ibadat kita tidak dikongsikan dengan hal-hal keduniaan yang nyata sekali ditegah oleh ugama Islam seperti hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tadi. Dan jika kedapatan yang kita melakukan sesuatu amalan itu dikongsikan dengan hal-hal keduniaan, maka hendaklah kita sementara awal mengorak langkah untuk menguasai diri kita ke arah yang lebih baik dan sempurna.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 4 Februari, 1987 hingga ke hari Selasa 10 Februari, 1987 adalah seperti di bawah ini : —**

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Februari | | | | | | | | | | | | |
| 4 | 12.36 | 3.55 | 3.56 | 6.31 | 6.32 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 5 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.31 | 6.32 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 6 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 7 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 8 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 9 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.36 | 6.37 |
| 10 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.25 | 5.12 | 5.26 | 6.36 | 6.37 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.**

**Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

# Sistem pelaburan dalam Islam

**Sambungan minggu lalu**

Bagaimana sekalipun amalan murabahah boleh menjadi exploitative kalau tambahan harga (untung) terlalu tinggi, buat Prof. M.A. Manan, boleh termasuk dalam lingkungan riba.

Satu di antara resolusi-resolusi Seminar Bank Islam di Dubai, 1979, menyarankan kepada bank-bank Islam yang mengamalkan murabahah supaya perjanjian antara bank yang membelikan barang dan pelanggan yang akan membeli barang dibuat dalam bentuk bertulis. Mengikut Mazhab Maliki, mahkamah boleh campur tangan kalau didapati ada syarat-syarat yang tidak dipenuhi oleh kedua atau salah satu pihak yang menandatangani perjanjian.

## IJARAH

Ijarah atau sewaan adalah penggunaan manfaat dengan bayaran tertentu dari sesuatu barang atau harta milik orang lain. Perjanjian dilakukan antara pemilik harta penyewa, sama ada harta yang tidak bergerak seperti rumah atau yang bergerak seperti alat-alat jentera, di mana pemilik harta membenarkan penyewa menggunakan hartanya dengan bayaran sewa.

Perkara pokok yang ditekankan oleh para fuqahak yang mesti jelas bagi kedua pihak dalam sistem sewa ialah:

i.jenis harta;
ii.sifat-sifat harta;
iii.harga sewaan;
iv.cara pembayaran;
v.tempoh; dan
vi.hal-hal lain yang boleh mengelakkan kekecuhan.

## BAI BITH-THAMAN AJIL

Ia terkenal dalam istilah harian sebagai jualan harga tangguh (installment). Mengikut sistem ini, penjual barang menyerahkan barang kepada pembeli dengan serta-merta dan pembeli menangguhkan pembayaran harga barang itu kepada suatu tempoh tertentu, atau membuat bayaran secara ansuran. Kebanyakan fuqahak mengharuskan bayaran lebih tinggi ke atas barang itu berbanding dengan harga tunai.

Dalil syarak yang digunakan oleh para fuqahak ialah dua potong ayat berikut bermaksud: *"Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."* Al-Baqarah (2): 275.

Bermaksud: *"Hai orang-orang beriman! Janganlah kamu makan harta orang lain dengan jalan yang batil, kecuali dengan perniagaan yang berasaskan suka sama suka di antara kamu."* An-Nisa (4): 29.

Berdasarkan dua ayat di atas dan pandangan Zaid bin Ali (80 — 120 H), Shaikh Dr. Siddiq al-Dharir, anggota Lembaga Pengawas Syariah Bank Faisal al-Islami di Sudan, mengharuskan amalan itu dilakukan oleh bank-bank Islam sebagai media/instrument pelaburan. Namun begitu, beliau menyarankan dua perkara untuk kebajikan ramai:

i. Perbezaan harga ke atas barang yang dibeli oleh pelanggan yang memerlukan dan bukan untuk tujuan perdagangan hendaklah rendah. Kerana dengan itu, bank dapat menunjukkan perkhidmatannya kepada orang ramai.

ii. Kalau melibatkan wang yang banyak, seperti jual beli rumah atau bangunan-bangunan perniagaan, bank mempunyai dua alternatif:

* bank membeli tanah dan membina rumah di atasnya kemudian dijual kepada pelanggan dengan harga tangguh;
* bank membeli rumah siap dan dijual kepada pelanggan dengan harga tangguh.

## JUALAN SALAM

Ia merupakan amalan jual beli di mana pembeli menyerahkan pembayaran lebih dahulu dan penjual menangguhkan penyerahan barang sehingga suatu tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Dengan kata lain ia merupakan tempahan pada barang-brang yang diperlukan untuk suatu masa akan datang.

Dari sudut hukum, semua fuqahak mengharuskan; dari sudut maslahat setengahnya berpendapat bahawa jualan salam memberi faedah kepada kedua belah pihak; bagi penjual, ia dapat menggunakan wang tunai itu untuk membiayai projek yang memerlukan pembiayaan besar seperti projek penanaman padi; bagi pihak pembeli akan dapat jaminan bekalan makanan yang ditempahnya mengikut jadual yang ditetapkan.

Kemudahan ini diambil dari dalil Al-Quran yang bermaksud: *"Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berpiutang dengan suatu piutang, hingga masa di tetapkan, hendaklah kamu tulis..."* Al-Baqarah (2): 282.

## SARANAN MEDIA PELABURAN BARU

Dalam zaman teknologi ini, media/instrument pelaburan sudah berkembang begitu cepat; banyak media telah diciptakan di negara-negara maju sesuai dengan keperluan mereka; dan media-media itu kebanyakan terlibat dengan riba; banyak orang Islam, mungkin di luar kesedaran atau kerana tidak ada alternatif lain, giat dan menyertai pelaburan melalui media-media yang ada.

Media-media pelaburan yang disarankan oleh para fuqahak, sebagaimana penulis terangkan dalam bahagian VIII, tidak cukup buat memenuhi keperluan-keperluan semasa. Banyak penulis-penulis ekonomi Islam menyatakan tentang perlunya merangka media-media baru yang diasaskan pada Syariat Islamiyah atau kalau kurang mampu berbuat begitu sekurang-kurangnya mengkaji media-media itu, dan kemudian diubahsuaikan sehingga tidak bertentangan dengan Syariat Islamiyah. Misalnya, bank dan insuran sudah dapat diselaraskan dengan kehendak-kehendak syarak.

Dalam usaha ke arah penciptaan media-media pelaburan secara Islam, ada penulis-penulis Islam yang telah memulakan, meskipun masih di peringkat awal, seperti Prof. M.A. Mannan. Dalam kertas kerja yang bertajuk: "Securities Market In An Islamic Framework: An Agenda For Action", (Jeddah, 1982), beliau mengemukakan beberapa media baru yang boleh dilakukan dan tidak pula bertentangan dengan Syariat Islamiyah.

Prof. Mannan membuat saranan media-media pelaburan baru adalah berasaskan beberapa asumsi. Asumsi-asumsi itu ialah:

i. Islam melarang riba, dan usaha-usaha ke arah itu haruslah dilakukan seberapa boleh dan seberapa cepat. Hukum riba sudah jelas dan tidak ada tolak ansur.

ii. Syarikat dalam rangka ekonomi Islam adalah untuk mendapatkan bukan saja keuntungan material, tetapi juga moral.

iii. Perniagaan yang berasaskan monopoli dan spekulasi dianggap bertentangan dengan Islam. Sementara itu Islam membenarkan motif keuntungan yang tidak bertentangan dengan moral dan sosial.

iv. Mekanisma pasaran bebas yang berjalan mengikut arus permintaan (demand) dan bekalan (supply) mungkin tidak selamanya menolong untuk mencapai objektif-objektif ekonomi di sebuah kerajaan Islam. Sedikit kawalan dan pengawasan mungkin perlu untuk menjamin mereka yang tidak menyertai pasar.

Sejak IDB (Islamic Development Bank) ditubuhkan dalam tahun 1975, beberapa instrument kewangan telah diciptakan, seperti Muqaradah Bond, Al-Mudarabah Certificate, Loan Certificate, Solidarity Bond dan instrument-instrument lain.

## MUQARADAH BOND

Ia merupakan dokumen-dokumen yang dikeluarkan dengan nama pemiliknya untuk membiayai sesuatu projek, dengan matlamat melaksanakan projek tersebut dan mendapatkan keuntungan. Muqaradah Bond diasaskan pada kontrak Muqaradah dalam fiqah, di mana perjanjian kerjasama antara pemilik modal dan pengusaha dimaterikan. Bond ini tidak diasaskan pada interest (bunga) tetapi pulangannya berasaskan pada nisbah keuntungan dari projek itu. Kegiatan Muqaradah Bond banyak dilakukan oleh IDB.

## MUDARABAH CERTIFICATE

Ia merupakan surat-surat pelaburan yang berasaskan sistem mudarabah. Surat pelaburan ini dikeluarkan pertama kali oleh Islamic Investment Company (IIC) di Sharjah dalam tahun 1978. Nilai satu surat US $100.00.

## LOAN CERTIFICATE

Ia mempunyai dua fungsi iaitu pinjaman tanpa bunga dan pelaburan. Keuntungan yang diberikan kepada peserta certificate itu ialah hasil pelaburan saja. Surat pinjaman ini juga dikeluarkan oleh IIC.

## SOLIDARITY BOND

Ia lahir dari sistem insuran secara Islam, iaitu peserta bond dikenakan bayaran ansuran selama dan sebanyak yang dipersetujui. Kumpulan wang premium itu dilaburkan oleh syarikat dalam perniagaan yang menguntungkan. Wang pokok dan keuntungan dipulangkan kepada peserta apabila ia sudah matang tempohnya atau peserta mati sebelum matang. Kegiatan ini banyak dilakukan oleh DMI (Darul Maal Al-Islami, 1981).

Dalam usaha menciptakan media-media pelaburan baru yang selari dengan kehendak syarak dan masyarakat, Prof. Mannan mengemukakan beberapa panduan berikut:

* Nisbah keuntungan yang diharapkan hendaklah berpandukan Muslim World View dalam urusan ekonomi;
* Media pelaburan ini hendaklah mempunyai dua matlamat:

a. Keuntungan material; dan b. Kepuasan moral.

Untuk menambah apa yang sudah ada dan diamalkan oleh bank-bank Islam syarikat-syarikat pelaburan Islam, di sini Prof. Mannan menyarankan media-media berikut:

* White Loan Certificate;
* Index Linked Loan Certificate;
* Islamic Commercial Paper;
* Integrated Investment Bond;
* Profit Sharing Certificate;
* Expected Rate of Dividen Certificate;
* Rent Sharing Certificate;
* Firm Commitment Certificate;
* Zakat Certificate;
* Human Capital Certificate.

## WHITE LOAN CERTIFICATE

Bank Islam boleh mengendalikan surat (certificate) ini dengan membuat jaminan membayar semula sepenuhnya selepas tempoh tertentu. Kalau ada projek yang benar-benar menguntungkan, maka bank boleh menjalankannya. Pemegang-pemegang certificate jenis ini diberi keistimewaan untuk membuat overdraft.

## INDEX LINKED GREEN LOAN CERTIFICATE

Index yang diasaskan pada syarak bank-bank Islam boleh memobilisasikan wang dengan mengeluarkan certificate tersebut. Faedah besar dari certificate jenis ini ialah kemampuan bank mengurangkan pembekuan dan penyorokan modal di negara-negara Islam. Certificate tersebut dibuat jika ada sesuatu projek besar dan menguntungkan.

## ISLAMIC SHORT TERM COMMERCIAL PAPER

Bank-bank Islam boleh mengeluarkan kertas tersebut dengan kematangan tempoh antara 60 kepada 270 hari, dengan tujuan untuk memenuhi keperluan kredit jangka pendek. Jenis kertas perdagangan ini amat sesuai untuk membiayai perdagangan luar jangka pendek. Faedah besar dari kertas perdagangan tersebut ialah untuk mengesan wang-wang menganggur. Selain dari itu kertas perdagangan ini boleh diniagakan. Kerana risikonya kecil, maka ia boleh menarik para pelabur dengan mudah.

## INTEGRATED INVESTMENT CERTIFICATE /SHARE/BOND

Sijil pelaburan sepadu ini adalah berbentuk share untuk pembiayaan berbagai-bagai projek. Setiap pemegang share dibenarkan memilih mana-mana projek yang disukai dan keuntungan diberikan berdasarkan prestasi projek yang jadi pilihan pemegang sijil/share. Matlamat utama skim tersebut ialah untuk mengurangkan risiko dengan mempelbagai projek.

## PROFIT-SHARING CERTIFICATE

Bank atau syarikat pelaburan boleh mengeluarkan sijil untung bersama. Bank atau syarikat boleh melaburkan kumpulan modal itu untuk projek-projek yang selari dengan Islam.

## EXPECTED RATE OF DIVIDEND CERTIFICATE

Bank boleh mengiklankan nisbah dividen terlebih dahulu berdasarkan prestasi perniagaan pada masa-masa yang lepas dan ramalan prestasi pada masa-masa akan datang. Ini bukan pintu belakang bagi sistem faedah tetap, tetapi kenyataan dividen itu sebagai kemungkinan saja, yang mungkin lebih rendah atau tinggi dari yang dijangka.

## RENT-SHARING CERTIFICATE AND EX PECTED RATE OF RENT CERTIFICATE

Sijil ini diasaskan pada kontrak sewaan (ijarah); dikeluarkan untuk sewaan kenderaan pengangkutan (kapal), alat-alat elektrik dan jentera, dan alat-alat lain yang boleh disewakan, untuk jangka masa pendek atau panjang. Sebenarnya IDB dan IIC telah melibatkan perdagangan jenis ini.

## FIRM COMMITMENT PARTICIPATION CERTIFICATE

Sifat utama sijil ini adalah pemegangnya tidak perlu meletakkan menunaikan bayaran sijil kepada bank serta-merta; apa yang diperlukan ialah pemegangnya membuat komitmen bahawa wang sijil itu boleh diadakan dalam tempoh 10 kepada 15 hari jika pihak bank menghendakinya; dividen dikira dari tarikh pembayaran dilakukan.

## ZAKAT CERTIFICATE

Sijil jenis zakat dikeluarkan untuk membiayai projek-projek membela orang miskin. Meskipun syarak sudah menetapkan penerima zakat, namun ratio pengagihan boleh diubahsuai mengikut keutamaan dan projek-projek yang lebih berkesan.

## HUMAN CAPITAL CERTIFICATE

Idea asas mengeluarkan sijil tersebut adalah untuk mempertemukan modal manusia dan wang. Pertemuan ini tidak dapat dilakukan kecuali dengan kajian yang teliti dari pihak bank. Pemegang sijil berkenaan akan menerima gaji sebagai pelaksana projek dan keuntungan dari kejayaannya.

Media-media yang dikemukakan oleh Prof. Mannan tersebut masih dalam bentuk saranan. Sebelum percubaan atau pelaksanaan dilakukan oleh mana-mana bank atau syarikat Islam, dua perkara penting harus dilakukan:

Setiap media tersebut hendaklah dikaji sehalus-halusnya oleh para ulama, untuk mengenal pasti hukumnya dari sudut syarak.

Implikasi ke atas pelaburan dari segi moral dan sosial harus juga dikaji dengan teliti kalau media-media tersebut hendak dijalankan.

## LANGKAH-LANGKAH YANG HARUS DIAMBIL OLEH KERAJAAN

Memandang sebilangan pemimpin negara-negara Islam sudah sedar akan bahaya riba dalam amalan ekonomi moden, dan tanda-tanda kecenderungan mereka ke arah melaksanakan sistem ekonomi Islam agak jelas, maka langkah-langkah praktikal perlu disarankan kepada mereka. Tanda-tanda kecenderungan mereka jelas sekali dari kenyataan-kenyataan rasmi dan beberapa langkah Islamisasi dalam bidang-bidang tertentu, seperti pendidikan, pentadbiran dan kewangan.

Lihat muka 8

## Bermesra dengan sistem metrik...

### PANDUAN MENUKAR HARGA KE METRIK

**HARGA DALAM KIRAAN KILOGRAM**

Harga dalam kiraan metrik agak berbeza jika dibandingkan dengan harga yang biasa kita kira dalam sukatan atau timbangan Imperial (kati dan paun).

Misalnya :

**(i) KATI KE KILOGRAM**

Oleh kerana satu **kilogram (kg)** adalah lebih berat **65%** (10 tahil) daripada **1 kati**, maka harga bagi **1 kg** adalah juga lebih **65%** daripada harga sekati.

Contohnya : Harga sekati = $3.00
kalau dalam kiraan metrik, harganya akan menjadi :—
**$3.00 × 1.65 = $4.95 sekilogram.**

**(ii) PAUN KE KILOGRAM**

Berdasarkan 1 kg = 2.2 lb.
Contohnya : Harga sepaun = $3.00.
kalau dalam kiraan metrik, harganya akan menjadi :—
**$3.00 × 2.2 = $6.60 sekilogram.**

Untuk perbandingan harga yang mudah, kalau awda berasa harga sekilogram adalah di luar dari kemampuan perbelanjaan seharian awda, mintalah **500 g (½ kg)** sahaja. Iaitu kurang **100 g** daripada sekati (berdasarkan kepada sekati = 605 g).

Jadual di bawah hanyalah menunjukan CONTOH PANDUAN HARGA untuk menolong awda membeli-belah dalam kiraan metrik. Harga-harga tersebut merupakan harga-harga yang telah digenapkan dari pertukaran harga dalam sekati ke sekilogram.

| Sekati | Sekilogram | Sekati | Sekilogram | Sekati | Sekilogram |
|---|---|---|---|---|---|
| $ | $ | $ | $ | $ | $ |
| 0.50 | 0.80 | 2.50 | 4.15 | 5.00 | 8.25 |
| 0.55 | 0.90 | 2.60 | 4.30 | 5.10 | 8.40 |
| 0.60 | 1.00 | 2.70 | 4.45 | 5.20 | 8.60 |
| 0.65 | 1.05 | 2.80 | 4.60 | 5.30 | 8.75 |
| 0.70 | 1.15 | 2.90 | 4.80 | 5.40 | 8.90 |
| 0.75 | 1.25 | 3.00 | 4.95 | 5.50 | 9.10 |
| 0.80 | 1.30 | 3.10 | 5.10 | 5.60 | 9.25 |
| 0.85 | 1.40 | 3.20 | 5.30 | 5.70 | 9.40 |
| 0.90 | 1.50 | 3.30 | 5.45 | 5.80 | 9.55 |
| 0.95 | 1.55 | 3.40 | 5.60 | 5.90 | 9.75 |
| 1.00 | 1.65 | 3.50 | 5.80 | 6.00 | 9.90 |
| 1.10 | 1.80 | 3.60 | 5.95 | 6.10 | 10.05 |
| 1.20 | 2.00 | 3.70 | 6.10 | 6.20 | 10.25 |
| 1.30 | 2.15 | 3.80 | 6.30 | 6.30 | 10.40 |
| 1.40 | 2.30 | 3.90 | 6.45 | 6.40 | 10.55 |
| 1.50 | 2.45 | 4.00 | 6.60 | 6.50 | 10.75 |
| 1.60 | 2.65 | 4.10 | 6.75 | 6.60 | 10.90 |
| 1.70 | 2.80 | 4.20 | 6.95 | 6.70 | 11.05 |
| 1.80 | 2.95 | 4.30 | 7.10 | 6.80 | 11.20 |
| 1.90 | 3.15 | 4.40 | 7.25 | 6.90 | 11.40 |
| 2.00 | 3.30 | 4.50 | 7.45 | 7.00 | 11.55 |
| 2.10 | 3.45 | 4.60 | 7.60 | 7.10 | 11.70 |
| 2.20 | 3.65 | 4.70 | 7.75 | 7.20 | 11.90 |
| 2.30 | 3.80 | 4.80 | 7.90 | 7.30 | 12.05 |
| 2.40 | 3.95 | 4.90 | 8.10 | 7.40 | 12.20 |

## DINAIKKAN PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat seorang pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mejar Ibrahim bin Haji Mohammad dari Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel Tetap bermula pada 1 Januari 1987.

Leftenan Kolonel Ibrahim mula berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 25 Jun, 1968 dan mula ditauliahkan pada 25 April, 1969. Beliau sekarang memegang jawatan sebagai Pegawai Turus (Gerakan/Rancangan) di Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

## Malam Puisi Belia anjuran PBS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling (PBS) akan menganjurkan malam puisi belia sempena sambutan ulang tahun ketiga Hari Kebangsaan pada 22 Februari 1987 bertempat di Bilik Bacaan, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Antara aturcaranya ialah peraduan mendeklamasikan sajak bagi belia berumur 35 tahun ke bawah. Borang penyertaan boleh didapati daripada Awang Mohd. Yusof bin Hj. Morni di Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 16 Februari 1987.

## Penubuhan J-kuasa Kebajikan Kampung:

# Diasaskan jadi saluran berunding dengan penuh persefahaman

KAMPONG KULAPIS. — Jawatankuasa Kebajikan Kampung bukanlah satu perkara baru di negara kita. Ianya wujud di sana sini walaupun mungkin belum secara menyeluruh dan belum mempunyai panduan seragam atau tatacara yang berfungsi.

Namun demikian, menurut Pegawai Dearah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin ketika merasmikan Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis di sini pada 18 Januari lepas, penubuhan jawatankuasa tersebut adalah diasaskan untuk menjadi saluran berunding dengan penuh persefahaman semata-mata untuk kebajikan dan kebaikan kawasan yang diwakili oleh jawatankuasa tiap-tiap kampung itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda, menurut Dato Paduka Haji Mohammad lagi, telah menekankan supaya penduduk-penduduk kampung akan sentiasa bermuzakarah berunding dan muafakat bagi mengusai kepentingan bersama, terutamanya melalui Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung.

Berhubungkait dengan hasrat Baginda itu, Dato Paduka Haji Mohammad merasa yakin pembentukan Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis ini adalah sebagai salah satu jentera yang boleh mendukung semangat yang terkandung dalam titah Baginda itu.

Dari itu, tegasnya, penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Kampung seumpama ini patut mendapat galakan, kerana ia menggambarkan aspirasi rakyat dan penduduk kampung yang tidak ketinggalan dari bersedia memikul tanggungjawab demi kebajikan dan kepentingan bersama.

Beliau berharap Jawatankuasa Kampong Kulapis ini akan benar-benar menjadi satu identiti masyarakat pemadulian, yang bukan hanya mirip membebankan dengan cadangan-cadangan dan permintaan-permintaan yang hanya dipikul bulat oleh Kerajaan bahkan jawatankuasa ini nanti, seharusnya akan berganding bahu dan memberikan kerjasama kepada Kerajaan untuk memata-matai dan memaduli hal-ehwal setempat di kawasan ianya tertubuh.

Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis sebagaimana yang difahamkan telah ditubuhkan sejak tahun 1982, atas cadangan Ketua Kampong Kulapis Awang Haji Nayan bin Apong.

Tertubuhnya jawatankuasa tersebut adalah semata-mata bagi mengatasi masalah ataupun kesulitan-kesulitan yang sering timbul dalam kampung itu. Maka dalam tahun tersebut jawatankuasa ini telah melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja bagi satu musim selama dua tahun 1982/84.

Dari tahun ke setahun ahli-ahli jawatankuasa Kampong Kulapis telah bertambah, ini adalah disebabkan penduduk-penduduk kampung menyedari akan kepentingan mereka, dengan memberikan pandangan dan kerjasama mereka terhadap jawatankuasa tersebut.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin dua dari kanan ketika hadir di majlis perasmian penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis baru-baru ini. Turut hadir di majlis pada hari itu ialah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 4.2.1987 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Mentiri | 4.2.1987 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 4.2.1987 | Rabu | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Batu Marang | 4.2.1987 | Rabu | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang | 5.2.1987 | Khamis | 10.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 5.2.1987 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar | 7.2.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 7.2.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Mulaut | 7.2.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Birau | 7.2.1987 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Rendah Kiudang | 7.2.1987 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Rendah Lamunin | 7.2.1987 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching | 9.2.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Sekolah Rendah Kiarong | 9.2.1987 | Isnin | 8.30– 9.30 pagi |
| Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan | 9.2.1987 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | | | |
| Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas | 10.2.1987 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kampong Kiulap | 10.2.1987 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata | 10.2.1987 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Gadong | 10.2.1987 | Selasa | 3.30– 4.00 „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 10.2.1987 | Selasa | 4.30– 5.00 „ |

## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 4 Februari, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

(1) Bawang Merah sekati $4.00
- a) Taste Top Trading Company, No. 144 A, Jalan Pemancha.
- b) Kedai Leong Soom Huat, No. 1, Jalan McArthur

(2) Ubi Kentang sekati $0.75 sen
- a) Kedai Kim Seng Choon, No. 6, Jalan McArthur

(3) Kacang Tanah sekati $1.30 sen
- a) Chop Ken Ken, B2, Jalan Robert.
- b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.

**SERIA**

(1) Bawang Besar sekati $1.00
- a) Kedai Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omarali.

(2) Ubi Kentang sekati $0.80 sen
- a) Kedai Chin Siong Hin. No. 3, Jalan Sultan Omarali.

(3) Kacang Tanah sekati $1.40 sen
- a) Kedai Haji C.A. Mohammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning.

**KUALA BELAIT**

(1) Bawang Besar sekati $1.00
- a) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty

(2) Ubi Kentang Sekati $0.90 sen
- a) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty

(3) Kacang Tanah sekati $1.40 sen
- a) Chong Seng Hong, No. 103, Jalan McKeron,

# Kebolehan wartawan kita sebanding dengan wartawan luar negeri

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Golongan wartawan di bidang media cetak di negara kita walaupun bilangannya kecil tetapi mempunyai kebolehan yang sebanding dengan para wartawan di luar negeri.**

Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata wartawan media cetak di negara kita juga berkemampuan menyelesaikan tugas-tugas dengan penuh tanggungjawab dan cekap.

"Di negara kita golongan wartawan di bidang media cetak hanya terhad kepada kumpulan yang terkecil jika di banding dengan rakan-rakan mereka di negara-negara ASEAN, ini berpunca dari tidak adanya akhbar harian, walau bagaimanapun, golongan wartawan yang kecil bilangannya ini yang sebahagiannya berkhidmat secara penuh masa dengan Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah berkemampuan menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan cekap," katanya.

"Kita tidak meragui kebolehan mereka setanding dengan para wartawan luar negeri dalam bentuk dan cara mereka sendiri yang mesti diselesaikan dengan keperluan-keperluan dan environment tempatan," jelas Pengiran Badaruddin ketika merasmikan Kursus Kewartawanan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di sini pada 26 Januari lepas.

Menurut Pengarah Penyiaran dan Penerangan lagi, bidang kewartawanan di negara kita sedang berkembang maju selari dengan perkembangan media elektronik dan media cetak.

Kedua-dua media yang sebahagiannya menggunakan kemudahan sains dan teknologi moden ini katanya, mempengaruhi style dan cara penyampaian bahan-bahan di bidang kewartawanan.

Menurutnya, terlalu banyak bahan yang boleh digunakan dalam jangkamasa yang terhad kerana detik-detik peristiwa dunia yang berlaku di sekeliling kita berlalu secara pantas dan amat mendadak.

"Sebagai wartawan atau juruhebah, kita tidak mampu untuk mengolah bahan-bahan berguna ini secara tradisional kerana kita akan terdedah kepada ketidakcekapan bekerja yang mana memerlukan profesionalism," kata Pengiran Badaruddin.

Ke arah itu, katanya, wartawan dan juruhebah perlu diperlengkapkan dengan kepakaran yang mutakhir di bidang kewartawanan yang semata-mata bagi memastikan bahawa tahap kecekapan para wartawan dan juruhebah sentiasa berada di tempat yang tinggi dan meyakinkan tanpa kewibawaan mereka akan dipertikaikan.

Kerana itu, menurut Pengiran Badaruddin lagi, kewibawaan para wartawan hendaklah selalu diperkembangkemaskan dari semasa ke semasa.

Menyentuh mengenai dengan kursus itu, Pengarah Penyiaran dan Penerangan itu penuh berkeyakinan yang kursus itu sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan kemampuan kerja dan menambahkan kepercayaan diri untuk menjadi wartawan yang berdisiplin di samping menjadi juruhebah yang berkualiti tinggi di bidang penyiaran.

Kursus yang julung-julung kalinya diadakan itu dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan dan Jawatankuasa Latihan Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Seramai 15 orang wartawan dan juruhebah dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan mengikuti kursus tersebut.

Kursus itu dikendalikan oleh dua orang pakar dari Kesatuan Wartawan Komanwel (Commonwealth Journalist Association) yang terdiri dari Awang Robert MacDonald dari Kanada dan Awang Roger Pateling dari Australia.

# Memelihara hubungan Silaturahim dituntut dalam Islam

Dari muka 5

orang yang telah berkawan baik akan tetapi menjadi bermusuhan. Di dalam ajaran Islam memelihara hubungan silaturahim itu adalah sangat-sangat dituntut demi menjaga kepentingan ugama Islam dan umat Islam sendiri keseluruhannya. Kerana permusuhan di antara dua kawan atau sahabat itu adalah membawa kepada penyebaran benih permusuhan yang menjadi punca kepada kekacauan di dalam masyarakat dan negara amnya. Sedangkan orang Islam itu sebagaimana menurut hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim dan Termizi dan Nasaie yang bermaksud: *"Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain adalah seperti satu bangunan yang bahagiannya menguatkan bahagian yang lain."*

Marilah kita sama-sama menjaga dan memelihara segala amal ibadat yang kita kerjakan semasa hidup kita di dunia ini. Jangan sampai ianya dicemari oleh perbuatan-perbuatan atau sifat-sifat yang boleh mengurangkan atau menghilangkan pahalanya apatah lagi dari ianya tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, kerana kita tidak mahu menjadi orang yang dikatakan muflis atau bengkrapsi di akhirat nanti.



SEBAHAGIAN daripada 15 orang wartawan dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan ketika menghadiri Kursus Kewartawanan bertempat di Studio Dua Radio Televisyen Brunei pada 26 Januari lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Sistem pelaburan dalam Islam

Dari muka 6

Kecenderungan pemimpin-pemimpin Islam tersebut haruslah disambut dan disokong oleh setiap individu Muslim, serta haruslah mengelakkan prasangka-prasangka buruk. Kerana sikap negatif terhadap usaha-usaha Islamisasi, seperti kritik tak membena, adalah akan merugikan umat dan ugama Islam itu sendiri.

Selain dari apa yang telah dijalankan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat pelaburan Islam, ada media-media pelaburan yang amat penting boleh diislamisasikan secara berperingkat, dan hal itu adalah tertakluk kepada hasrat sesebuah kerajaan. Dengan kata lain, media-media yang wujud boleh diubahsuai sehingga mereka selari dengan kehendak syarak kalau pemimpin sesebuah negara itu mahu melakukannya.

Sebenarnya, sistem kewangan yang ada sekarang yang harus diislamisasi dalam empat perkara:

Amalan riba, pasaran wang, pasaran modal dan pasaran saham;

Amalan ejen-ejen atau mereka yang mengambil bahagian dalam institusi kewangan yang tidak selaras dengan syariat Islamiyah;

Undang-undang yang telah digubal yang mungkin sesuai untuk sistem kewangan sekarang, tetapi memerlukan pindaan atau lampiran baru atau penggubalan baru supaya sesuai dengan institusi kewangan Islam.

## AMALAN RIBA

. Sebenarnya sistem riba sebagai cara pengagihan modal boleh diatasi dengan sistem mudarabah, yang mana kadar keuntungan boleh memainkan peranan penting. Persoalan pokok bukan pada pengagihan modal tetapi kekurangan modal.

Dalam menghadapi masalah ini, apa yang perlu ialah langkah-langkah berikut:

Membentuk pasaran wang dan pasaran modal yang berteraskan Syariat Islamiah supaya media-media kewangan dapat diniagakan;

Membentuk pasaran saham yang dapat menentukan perniagaan saham secara Islam.

Sebagai misal dapatlah dikemukakan di sini bahawa ada Kerajaan Islam yang cuba mengamalkan dasar penswastaan. Untuk memberi peluang kepada orang ramai, sistem mudarabah boleh digunakan iaitu dengan menjual sebahagian saham sesuatu projek (seperti telefon, elektrik, air) kepada orang ramai. Pembelian saham berkenaan akan menjadikan pembeli pemilik bersama dan akan menerima dividen setiap tahun.

## PASARAN WANG, PASARAN MODAL DAN PASARAN SAHAM

Pasaran wang tersebut menghasilkan riba; untuk mengatasi hal ini, media itu hendaklah diubahsuaikan berasaskan prinsip-prinsip mudarabah atau musyarakah. Usaha untuk mengislamisasikan pasaran saham boleh dilakukan dengan mengeluarkan segala saham dari perusahaan-perusahaan yang bertentangan dengan syarak.

## AMALAN ATAU PENYERTA-PENYERTA PASARAN WANG, MODAL DAN SAHAM

Pengamatan penulis-penulis Islam, amalan penyerta pasaran tersebut menjadi tidak diterima oleh Islam ialah kerana:

Tidak ada maklumat jelas mengenai share atau saham yang diniagakan.

Pasaran saham membenarkan "short-selling" dan spekulasi serta mengandungi unsur-unsur "gharar"; dan

Harga saham yang diniagakan terlalu tinggi dari nilai saham sebenar. Amalan ini disebut sebagai "profiteering".

Ketiga-ketiga perkara tersebut boleh dikawal dengan mengenakan peraturan-peraturan berikut:

Maklumat lengkap tentang saham-saham yang disenaraikan hendak disediakan, seperti nilai sebenar, perusahaan, potensi untung, dan hal-hal lain yang ada hubungan dengan saham yang diniagakan.

Harga maksima sesuatu saham haruslah ditentukan dari satu waktu ke suatu waktu yang lain. Tujuan asasnya untuk mengurangi permainan spekulasi.

Share atau saham hanya boleh diniagakan di pasaran yang berlesen, ini untuk mengelakkan perniagaan saham di pasar gelap.

## PERUBAHAN/PERUBAHAN UNDANG-UNDANG KEWANGAN/SYARIKAT

Pengalaman Malaysia menunjukkan bahawa syarikat-syarikat kewangan secara Islam memerlukan akta-akta yang berasingan dengan akta-akta syarikat dan kewangan. Oleh itu, untuk mengelakkan kekeliruan dan penyalahgunaan akta-akta yang ada, maka akta-akta baru yang berteraskan Islam perlu digubal dan diluluskan oleh pihak-pihak tertentu.

Di Malaysia, Bank Islam, Syarikat Takaful dan Tabung Haji mempunyai akta-akta yang berasingan, meskipun mereka masih tertakluk di bawah akta syarikat.

## KESIMPULAN

Modal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara; modal-modal yang tersimpan di tangan umat Islam perlu digembeling dan dilaburkan supaya ia benar-benar berfungsi dan memenuhi keperluan-keperluan hidup manusia.

Ajaran Islam senantiasa mengajak manusia membangun dan memakmurkan alam untuk feadah bersama. Kerja-kerja pemakmuran yang dilakukan oleh umat Islam dengan niat yang betul dan dengan cara sesuai dengan kehendak syariat Islamiyah adalah dianggap sebagai amal salih.

Untuk menggalakkan umat Islam melabur dengan cara-cara yang betul, media-media pelaburan yang telah disarankan oleh para fuqahak, seperti mudarabah, musyarakah dan lain-lain, hendaklah diperkenal kepada institusi-institusi kewangan. Di samping bank-bank Islam, syarikat-syarikat pelaburan secara Islam perlu digalakkan dan disokong, supaya mereka benar-benar memberi keuntungan material dan moral bagi umat Islam.

Cabaran dalam bidang kewangan terhadap intelek Islam dan ulama amat besar. Oleh itu, mereka haruslah mengembeling tenaga dengan melibatkan diri dalam memikir dan mencari jalan keluar dari problem yang wujud. Mereka harus berani mengeluarkan pendapat dan setiap pendapat yang diutarakan hendaklah berasaskan pada niat yang suci.

Perkara-perkara yang harus dilakukan untuk mewujudkan sistem kewangan Islam dan merangka media-media pelaburan secara Islam masih banyak. Ini perlu kepada kegigihan dan kesabaran serta sokongan dari segenap lapisan masyarakat, khasnya kerajaan.

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

MASUKILAH KERJAYA TENTERA



**KERJAYA TENTERA BUKAN SAJA SALAH SATU BIDANG KERJAYA YANG MENJAMIN BAHKAN MEMBERI SANJUNGAN TERHADAP PERLINDUNGAN DAN KEDAULATAN NEGARA**







*SATERIA GAGAH HARAPAN NEGARA*



**Mendaftarlah kepada**
**Pejabat Pengambilan**
**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**
**Bolkiah Garison**
**Negara Brunei Darussalam**

## PENGAMBILAN YANG KE-72 SEDANG DIJALANKAN
## MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI

**SYARAT-SYARAT**

a. Awang-Awang mestilah rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
b. Awang-Awang mestilah lulus darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
c. Awang-Awang mestilah berumur 17½ tahun hingga 25 tahun.
d. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci, berat badan tidak kurang dari 105 paun dan berbadan sihat.
e. Lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
f. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Nama : ..............................................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh Lahir : .................................... Umur : ....................

Alamat Sekarang : ..............................................

..............................................

Kelulusan Sekolah : ..............................................

Nama Ayah/Penjaga : ..............................................

No. Kad Pengenalan .................... Warna : ....................

Tarikh Lahir : .................... Tempat Lahir : ....................

Alamat Sekarang : ..............................................

..............................................

No. Telefon Rumah/Pejabat : ..............................................

Tandatangan : .................................... Tarikh : ....................

# rtb/Intisari minggu ini

## Dokumentari

PEJABAT Pusat Sejarah melalui Unit Penerbitannya telah berjaya menerbitkan beberapa buah manuskrip dan karangan serta bahan-bahan seperti Syair Rakis, Tarsilah Brunei, Ringkasan Riwayat Hidup Sultan-Sultan dan Riwayat Hidup Speaker-Speaker, di samping beberapa lagi risalah-risalah tentang Sejarah Brunei.

Dalam bahagian kedua rancangan Dokumentari Pejabat Pusat Sejarah ini, perhatian akan ditumpukan kepada beberapa lagi kegiatan-kegiatan unit-unit yang terdapat di Pejabat ini iaitu Unit Penerbitan, Unit Pameran/Penggambaran dan Unit Arkib/Perpustakaan.

Rancangan ini akan dapat diikuti siarannya pada 10 Februari, 1987, kira-kira jam 8.50 malam.

## Mari Memasak:

### Pudding Payung

BAHAN-BAHANNYA:

- 1 tin jagung hancur
- 1 tin susu cair
- 1 tahil agar-agar
- 4 biji telur ayam
- 4 aun mentega
- 2½ gelas gula halus
- 1 sudu teh esen vanila
- 3 sudu makan tepung jagung
- 50 sen cendul

CARA-CARA MEMBUATNYA:

Agar-agar direndam dan toskan, sukat agar-agar tadi kemudian masukkan ke dalam periuk dan sukat air mengikut banyak sukatan agar-agar, masaklah hingga hancur barulah masukkan 1 gelas gula.

Mentega dan 1½ gelas gula dipukul kemudian masukkan telur sambil dipukul. Masukkan tepung dan kacau, baharulah masukkan vanila dan susu. Sesudah sebati masukkan ke dalam agar-agar kacaulah rata-rata, sesudah itu masukkan jagung dan cendul. Sesudah sebati masukkanlah bahan-bahan tadi ke dalam acuan yang berbentuk payung.

Bila sejuk keluarkan dari acuan dan letakkan dalam pinggan dan hiaslah mengikut kesukaan awda.

## Sudut Remaja

SUDUT Remaja Minggu Ini akan diisikan oleh Dk Salbiah Pg Bujang. Dk Salbiah sebelum ini pernah menjadi pemenang ketiga dalam Pertandingan Bintang Remaja 1986. Dk Salbiah akan bersama awda pada hari Isnin 9 Februari jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Rabu 11 Februari jam 8.30 malam.





## Tetamu Radio

RANCANGAN Tetamu Radio minggu ini akan diisikan dengan temubual Hj Bahmin Hj Hamdan bersama Jean Retno Aryani . Jemputlah mengikuti bualan mereka pada hari Ahad ini 8 Februari jam 4.30 petang.

## Sandiwara Radio:

## 'Mentari Masih Bersinar'

PENULIS Norhisham Mustafa, Kelantan Malaysia sekali lagi terpilih untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan skripnya yang berjodol MENTARI MASIH BERSINAR.

Karya yang bertemakan perasaan peri kemanusiaan ini, dihidupkan dengan watak-watak Zaidi, Dr Ali, Banun, Arman, Siti dan Jamil. Masalah atau konflik dalam cerita ini berpunca dari penyakit yang dihidapi oleh Zaidi iaitu penyakit buah pinggang.

Pihak doktor telah memberikan rumusan yang kedua-dua buah pinggang Zaidi sudah tidak mampu untuk berfungsi lagi. Kerana itu Zaidi perlukan derma sebiji buah pinggang untuk membantunya bagi menikmati kehidupan yang lebih lama.

Banun, isteri Zaidi tetap memberikan sokongan moral pada suaminya agar bersabar menghadapi masalahnya dengan tenang. Walaupun dalam keadaan suaminya begitu, ia tetap menunjukkan kesetiaannya, meskipun kadangkala hasutan datang dari Jamil teman suaminya sendiri.

Arman pula tidak sanggup membiarkan Zaidi dalam menderita begitu. Tanpa memikirkan sebarang risiko yang bakal ditempohinya nanti, Arman terus saja memutuskan untuk mendermakan satu daripada buah pinggangnya kepada Zaidi. Ini amat bertentangan dengan pendapat isterinya.

Bagi Arman, Zaidi adalah melebihi dari saudara kandungnya sendiri. Segala budi baik keluarga Zaidi dan jasa-jasa mereka kepadanya ketika ia masih bersekolah dulu, membuatkan ia sanggup berkorban apa saja untuk kebahagiaan Zaidi.

Bukan saja Arman, malah Banun juga rela mendermakan buah pinggangnya kepada Zaidi. Bagaimanapun Dr Ali dengan alasan-alasannya yang munasabah menolak tawaran mereka itu. Kenapakah Dr Ali membuat keputusan begitu? Ikutilah kisah menarik ini selanjutnya melalui siarannya nanti pada hari Ahad 8 Februari jam 11.30 pagi.

Rancanagan ini diterbitkan oleh Hj Abdullah Hj Awg Damit.

### KURSUS TARI-MENARI ANJURAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Ketua Hiburan TV,
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan.
Perhatian : GURUTARI RTB

Dengan hormat sukacita saya ingin menyertai KURSUS TARI-MENARI anjuran RTB dan bersetuju menghadiri semua kelas-kelas menari yang akan diadakan itu.

Nama Penuh : ..............................

Alamat Penuh : ..............................

No. Kad Pengenalan : .................. Warna : ..................

Tarikh Lahir : .................. Umur : ..................

No. Telefon : ..................

Tinggi (tanpa kasut) ..................

Lelaki/perempuan/bujang/kahwin/janda/bekerja/bersekolah/mencari pekerjaan.

Tarikh : .................. ..................
(tandatangan)

Kebenaran dari Ibu/Bapa/Penjaga (jika berumur di bawah 21 tahun)

Saya : ..................

No. Kad Pengenalan .................. Ibu/Bapa/Penjaga memberikan kebenaran kepada anak saya menyertai kursus Tari-Menari anjuran RTB.

..................
(tandatangan)

**Perhatian :**

Tarikh tutup menerima borang beserta gambar (size post-card) tidak lewat pada hari Khamis 19 Februari 1987 jam 4.00 petang.

## Radio Minggu Ini:

# RADIO DAN PELAJAR

MENINJAU ke zaman silam, penggunaan alat-alat pendidikan begitu amat terbatas sekali. Saluran pelajaran dan pembelajaran hanya diperolehi dari bilik-bilik darjah sahaja — iaitu antara murid, guru dan papan hitam. Guru bercakap ataupun menulis di papan hitam. Sementara itu, murid mendengar ataupun menyalin pelajaran yang diberikan. Hubungan murid-murid dengan dunia luar persekolahan para pelajar juga agak terbatas dan terhad.

Masa telah berubah begitu cepat sekali. Dengan adanya teknologi baru dalam kehidupan kita, bidang pendidikan juga turut mengalami perubahan. Dengan terciptanya alat 'pandang-dengar' seperti radio, ia telah membawa satu kaedah baru dan kepelbagaian dalam dunia pendidikan hari ini.

Radio Brunei juga tidak terkecuali memainkan peranannya di bidang pendidikan di negara ini. Di samping menghibur dan menyalurkan mesej Kerajaan kepada masyarakat umum di negara ini, Radio Brunei juga berfungsi memberikan informasi pengajaran dan pembelajaran.

Radio Brunei adalah disifatkan sebagai 'media pelapis' untuk sama-sama berganding bahu dengan para pendidik, di dalam menyalurkan berbagai bentuk mata pelajaran kepada para penuntut dan juga orang ramai di negara ini.

Sebagai media elektronik yang mudah diterima siarannya di mana-mana pelusuk dan tempat di negara ini Radio Brunei telah berusaha menyediakan beberapa ruangan khas untuk para pelajar di negara ini. Antaranya ialah memberikan bimbingan di dalam mata pelajaran Sastera Melayu, bagi para pelajar yang akan menduduki peperiksaan G.C.E. Brunei-Cambridge peringkat 'O' dan juga peringkat 'A'.

Di samping itu, berjenis-jenis lagi bahan pelajaran umum yang disediakan dan disalurkan menerusi Perkhidmatan Radio Brunei, semata-mata untuk menambahkan pengetahuan para pelajar di negara ini.

Seperti halnya di sekolah, di samping menyedia dan memberikan berbagai-bagai bimbingan pelajaran dan pembelajaran, para pelajar juga digalakkan bergiat di dalam 'Ko-Kurikulum' sekolah. Kegiatan sedemikian adalah untuk memberikan 'ruang masa rehat' otak dan pemikiran para pelajar, yang aktif dan tekun dengan pelajaran mereka setiap hari di sekolah.

Memandangkan betapa perlunya 'ruang masa rehat' itu kepada para pelajar, Radio Brunei telah menyediakan sebuah rancangan khas yang dinamakan 'Permintaan Pelajar'. Rancangan baru yang dikendalikan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei ini akan dimulakan siarannya pada 7 Februari 1987 yang akan datang ini, insya-Allah. Mungkin beberapa pertanyaan timbul dari para pelajar tentang isi kandungan dan juga bagaimana cara menyertai rancangan ini. Untuk itu di sini kami sukacita menjelaskan pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Rancangan 'Permintaan Pelajar' adalah dikendalikan menerusi telefon antara penerbit dengan peserta iaitu pelajar sendiri. Penerbit akan membuat temuramah dengan peserta yang berkaitan dengan hal-ehwal pelajaran dan aktiviti-aktiviti mereka di sekolah. Di samping itu, para pelajar juga akan diberikan peluang memilih lagu-lagu hiburan kegemaran mereka.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang rancangan 'Permintaan Pelajar' ini, para pelajar yang berminat untuk menyertainya bolehlah menghubungi dengan telefon ke nombor 43111, sambungan 258 ataupun 259, Penerbit, Rancangan Permintaan Pelajar, Bahagian Melayu, Radio Televisyen Brunei.

Gunakanlah 'ruang masa rehat' para pelajar sebaik-baiknya menerusi rancangan baru yang kami sediakan ini. Insya-Allah, rancangan 'Permintaan Pelajar' di Radio ini akan memberikan manfaat yang berfaedah di segi pelajaran, pembelajaran dan juga aktiviti para pelajar sekalian.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 4 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 3-2-1 CONTACT
5.00 THE WORLD OF SURVIVAL: "Sawbill"
5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE MAGICAL WORLD OF GIGI — sambungan
5.55 SILVER SPOON
6.20 APA TU AH ?
6.32 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.48 APA TU AH ? — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SCARECROW AND MRS KING: "The Wrong Way Home"
Apabila bekas suami Amanda, Joe King, orang dikehendaki, tiba di Washington, Lee "Scarecrow" Stetson dan Amanda mesti membersihkan namanya, tetapi sejauh manakah mereka dapat berbuat demikian.
7.44 AZAN ISYAK
7.47 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 ADUNIKA
10.05 YES PRIME MINISTER
10.30 ROAD TO WEMBLEY
10.50 DYNASTY: "The Vendetta" (Episod terakhir)
Blake menentang Alexis apabila merancang untuk mengambil alih rumah mereka; dengan perasaan yang terganggu Claudia telah terperangkap oleh tembuk kasih sayang; sementara Sammy Jo dan Amanda bertengkar untuk mendapatkan kasih sayang Clay; Dominique pula kini mengetahui tentang kebenaran perkahwinan pertama Garrett.
11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

## HARI KHAMIS 5 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE JETSONS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN: "Pemulihan Anggota"
6.05 LETS GO MATHS
6.15 PINK PANTHER AND SONS
6.32 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.48 PINK PANTHER AND SONS sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 CRAZY LIKE A FOX
7.44 AZAN ISYAK
7.47 CRAZY LIKE A FOX — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK: "Strangle Hold"
10.40 CHECK IT OUT: "Dog Day After Dark"
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "A Case Of Deadly Force"
Seorang lelaki berkulit hitam telah ditembak di lorong Boston. Dua orang mata-mata berkulit putih mendakwa bahawa lelaki berkulit hitam tersebut hendak membunuh mereka. Seorang bekas polis yang kini menjadi peguambela dengan begitu berani menentang Jabatan Polis Boston untuk membuktikan bahawa lelaki berkulit hitam yang ditembak itu tidak berdosa.
12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI JUMAAT 6 FEBRUARI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.48 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA/NADASARI

PETANG

1.25 THE 13 GHOSTS OF SCOOBY DOO: "Scooby Doo Where Are You"
1.50 ITALIAN SOCCER
2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.00 ANDY ROBSON: "Flare Up"
Selaku penjaga kebun binatang, Adam Charleton merasa tertekan dengan pembuangan bekerja dari Lord Rothwick, kerana gagal menahan pemburu ternakan yang datang ke situ. Adam meyakinkan bahawa dia tahu siapa yang bersalah, tetapi tidak dapat membuktikannya.
3.30 AL-KISAH
3.45 ALL AT NO. 20
3.56 AZAN ASAR
3.59 ALL AT NO. 20 — sambungan
4.15 SUPER SPACE THEATRE: "Thunderbirds In Outer Space" Bhg II
5.05 ECONOMIC MADE EASY
5.35 CHOCKY'S CHALLENGE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CHOCKY'S CHALLENGE — sambungan
6.00 PAW PAWS
6.20 TIME ...... TO TIME
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 TIME ...... TO TIME — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 DRAMA TEMPATAN: "Darah Kedayan" Bhg 2
7.44 AZAN ISYAK
7.47 DRAMA TEMPATAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DOCUMENTARY: THE BIG ICE "The Water Of Life"
10.10 SWORD OF HONOUR (Siri baru)
Jalan cerita yang merupai "A Town Like Alice", Sword of Honour membawa kita dari kemuliaan jasa pahlawan dalam sejarah Australia kemedan peperangan Vietnam dan syurga dunia yang jauh dipersisiran pantai Thailand. Siri yang mengandungi 8 bahagian ini mengisahkan tentang sepasang kekasih yang berharap akan dapat bersama buat selamanya, Esse dan Tony. Esse, seorang wanita berasal dari sebuah daerah, siapa yang pergi ke Universiti untuk mencari pengalaman hidup, seorang penyanyi kebudayaan yang telah menjadi pusat pergerakan; dan Tony seorang anggota tentera yang profesional, pemenang anugerah terbaik Academy Ketenteraan, hero dalam siri ini. Walaupun keadaan memaksa mereka berpisah, namun kasih sayang mereka tetap berpadu buat selamanya.
10.55 KNOTS LANDING: "Christening"
11.50 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SABTU 7 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE LAST FRONTIER: "Of Camouflage And Defence"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
6.00 VALERIE: "One Of A Kind"
6.20 THUNDERCATS
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE EQUALIZER: "Out Of The Past"
McCall mesti menolong suami bekas isterinya siapa yang terlalu gementar tentang kisah-kisah lalunya.
7.44 AZAN ISYAK
7.47 THE EQUALIZER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Bunga Cinta Kasih"
11.40 WYNNE AND PENKOVSKY (Siri baru)
12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI AHAD 8 FEBRUARI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.18 THIS WEEK'S MUSIC
12.37 AZAN ZUHUR
12.41 MUSICAL — sambungan
1.05 THE FALL GUY: "Lucky Stiff"
Jerry Andrews mengupah seorang lelaki untuk membunuhnya secara tidak sengaja, dan dengan cara ini isterinya dapat mengambil insuran, tetapi sebelum penjanjian ditandatangani; Jerry telah memenangi loteri sebanyak tiga juta ringgit. Colt diupah untuk mencari keluarga Andrews kerana penipuan.

PETANG

1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Maya" India: dua orang budak lelaki belasan tahun, seorang budak Hindu dan seorang lagi anak seorang pemburu Amerika yang melarikan diri, yang merasa gementar telah diamanahkan untuk menghantar dua benda yang berharga dan seekor gajah suci ke Kuil yang jauh. Bapa budak Amerika tersebut memperolehi kembali kepercayaannya dan membantu mereka. Cerita ini berdasarkan kisah: "The Wild Elephant"
3.30 DUNGEONS AND DRAGONS: "Dungeon At The Heart Of Dawn" (Siri baru)
3.56 AZAN ASAR
4.00 SHE-RA PRINCESS OF POWER
4.30 DRAMA TEMPATAN: "Darah Kedayan" Bhg II (ulangan)
5.10 SPORTS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SPORTS — sambungan
6.05 THE WIND IN THEIR HANDS
6.20 WHO'S THE BOSS: "Custody" Bhg II
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 WHO'S THE BOSS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 OUR HOUSE: "Small Steps"
7.44 AZAN ISYAK
7.47 OUR HOUSE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MARI MEMASAK: "Puding Payung" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
9.15 HIBURAN TEMPATAN: Juara Kugiran Peringkat Akhir '86 (ulangan)
10.00 THREE'S COMPANY: "Larry's Sister"
10.30 OUR FAMILY HONOUR
11.20 ALFRED HITCHCOCK: "The Cheaper"
11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI ISNIN 9 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 YOGI'S TREASURE HUNT
4.55 FRAGGLE ROCK
5.20 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER (Episod terakhir)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE COSBY SHOW: "Denise Gets A+D+"
6.15 KUIZ RIA (Episod terakhir)
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE A TEAM: "Judgement Day" Bhg II
7.44 AZAN ISYAK
7.47 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BELIA
9.50 WORLD CHAMPIONSHIP WRESTLING (Siri baru)
10.30 LOVE SONGS
11.30 TAYANGAN GAMBAR: "Catlow"
12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SELASA 10 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE KIDS FROM 47A: "Binny's Pen Pal"
4.55 NATURE WATCH
5.20 MICKEY AND DONALD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI MEMASAK: "Puding Payung" (ulangan)
6.15 CHARLES IN CHARGE "American Teen"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 CHARLES IN CHARGES — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AIRWOLF: "Birds Of Paradise"
7.44 AZAN ISYAK
7.47 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 RENCANA TEMPATAN: "Pejabat Pusat Sejarah" Bhg II
9.20 ARENA SUKAN
10.20 MAGGIE: "Tooth For A Tooth"
10.50 THE LAST FRONTIER Bhg II
11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Penguasa Taman Dan Bunga

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENGUASA TAMAN DAN BUNGA di Jabatan Lembaga Bandaran Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 066 62-961)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — $1,450-$2,270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Higher National Certificate (HNC) dalam Land Scaping, pertanian atau Horticulture atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk satu (1) mata pelajaran Sains) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja penguasaan taman dan bunga atau yang berkaitan dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan di Bahagian III dalam jawatan Pengawas atau yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja pengurusan taman dan bunga atau yang berkaitan tidak kurang dari 7 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Bagi perancangan, pengawasan dan penyelidikan bahagian Bunga-Bunga dan Tanaman dalam usaha mencantikkan alam sekitar, taman-taman dan kawasan-kawasan dalam lingkungan Bandaran.

b) Mengetuai bahagian Taman-Taman dan tempat Rekreasi Lembaga Bandaran.

c) Pengawasan Pegawai-Pegawai dan kakitangan serta alat-alat perkakas termasuk bunga-bungaan di bahagian Taman dan Bunga.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Februari, 1987.

(E/2788/86)

(Bilangan Pendaftaran: 5/1987).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/5/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF DELIVERY OF AIR FIELD LIGHTING ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/13/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY CLAMP ON AMMETER

Tarikh tutup: 4 Mac, 1987.

Cagaran: $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/14/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 6,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/15/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 10,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/16/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 12,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/17/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 18,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/18/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 24,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PASUKAN SIMPANAN GURKHA

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran untuk membekalkan Perkakas-Perkakas Kesihatan kepada Pasukan Simpanan Gurkha.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Pasukan Simpanan Gurkha, Perkhemahan Sungai Akar dan pada ketika yang sama boleh melihat contoh-contohnya.

3. Pengiriman Perkakas-Perkakas Kesihatan dan Kebersihan adalah dikehendaki dalam 3 peringkat pengiriman seperti berikut:—

a) Pengiriman pertama pada 7 April, 1987.

b) Pengiriman kedua pada 7 Julai, 1987.

c) Pengiriman ketiga pada 7 Oktober, 1987.

4. Sebutan harga hendaklah termasuk dengan pengiriman ke Ibu Pejabat Pasukan Simpanan Gurkha di Perkhemahan Sungai Akar, Jalan Muara.

5. Pertukaran perkakas-perkakas yang telah berjaya dalam tawaran tidak akan diterima.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa tanpa sebarang tanda penawar. Sampul surat hendaklah ditulis dengan "PEMBEKALAN PERKAKAS - PERKAKAS KESIHATAN DAN KEBERSIHAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA" pada sudut kiri sampul tersebut.

7. Tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Surat Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari 23 Mac, 1987 hari Isnin.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PASUKAN BOMBA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. 6/1987

TAWARAN adalah bagi COMMUNICATION EQUIPMENTS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "Tender for Communication Equipments and Installations" Jabatan Bomba.

4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pegawai Perhubungan dan Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak $500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau quari-quari untuk membekalkan batu-batu kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dua (2) tahun, iaitu mulai sebaik-baik sahaja keputusan Lembaga Tawaran dibuat dan dimaklumkan kepada yang berjaya tawarannya diterima. Jenis-jenis batu yang dikehendaki oleh Jabatan ini adalah seperti berikut:—

1. Crusher Run Stone
2. Crushed Stones $\frac{3}{4}$ inches
3. Round Stones (Mixed)
4. Block Stones
5. Dust Stones
6. Selected Round Stones of not less than 6 inches.

2. Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga bagi tiap-tiap satu ela padu dan juga harga bagi tiap-tiap satu tan berat mengikut jenis batu yang disenaraikan. Harga tawaran tersebut tidaklah termasuk pengangkutan.

3. Pembekal mestilah bersedia dan boleh membekalkan pesanan yang dibuat dan dikehendaki dari semasa ke semasa dengan cepat. Pengangkutan batu-batu tersebut adalah disediakan oleh jabatan ini.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membatalkan pembekal yang berjaya sekiranya terdapat perkhidmatan yang tidak memuaskan pada bila-bila masa atau/dan kemungkinan tidak lagi dipertimbangkan bagi tawaran-tawaran akan datang.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan bilangan tawaran Bil: JDB/B/1/87. MEMBEKALKAN BATU KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA.

6. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 16 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Supply and Delivery of Voice Frequency Telegraph (V.F.T.) Systems.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 2 Mac, 1987. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran yang terpilih akan dikehendaki menghantar contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan penendar sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 21 hari selepas pemberitahuan.

4. Penendar-penendar yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh-contoh sistem akan dikembalikan kepada penendar-penendar yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika penendar-penendar gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong:—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF VOICE FREQUENCY TELEGRAPH (V.F.T) SYSTEMS.

Tender Ref:

JTB/STEE (P)/16/86

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam Bandar Seri Begawan dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B$200.00 (tidak dikembalikan) dan B$1,000.00 (dikembalikan).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4 Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL.: 5/1987

TARPAULIN CANVAS, EYELETTED AND ROPED APPROX: 3FT. INTERVALS, DOUBLE END
Size: 20′ x 30′ — 200 Nos.

TAWARAN BIL.: 6/1987 PERSFEX SHEET CLEAR
(a) Size: $\frac{1}{8}$″ (3mm) x 4′ x 6′ — 150 Sht.
(b) Size: $\frac{1}{4}$″ (6mm) x 4′ x 6′ — 200 „
(c) Size: $\frac{3}{8}$″ (10mm) x 4′ x 6′ — 60 „

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG BEKALAN MAKANAN:

(Bilangan Kod: 062 50 — 052)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

**Tanggagaji:** D. 3-4-5 EB. 6 — $900-$1785 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ordinary National Diploma (OND) dalam Business Studies atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) City and Guilds 855/856 atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari 3 tahun.

b) Berpengalaman dalam pengurusan serta mahir menguruskan permakanan Rumah Sakit akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membuat peruntukan bagi pesanan barang-barang permakanan harian Rumah Sakit.
b) Membuat penyusunan senarai permintaan makanan Rumah Sakit harian (Daily Diet Requisition) dan menentukan banyaknya.
c) Membuat sukatan permintaan barang-barang yang akan dipesan pada pembohong dan mempastikan barang-barang yang dipesan adalah mencukupi dan dalam keadaan baik dari segi Quality dan Quantity
d) Mengeluarkan atau memesan barang-barang keperluan dapur.

2. PEMBANTU TEKNIK PELATIH:

(Bilangan Kod: 084 03 — 994)

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** D. 1-2—$530-$820 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Lulus mata pelajaran Matematik, atau Sains atau mata pelajaran yang bersesuaian Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya tidak kurang dari 5 tahun dalam jawatan-jawatan yang berikut:
i) Tukang Lukis.
ii) Pengawas Kecil.
iii) Tradesman Tingkat I.
iv) Treatment Plant Attendan Tingkat I.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam open-vote atau bergaji hari dan berpengalaman praktikal yang mencukupi dalam bidang-bidang yang bersesuaian seperti juruteknik awam, pembinaan, bangunan, mekanik atau akitik teknik.

3. BIDAN TERLATIH//PELAJAR:

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

(Bilangan Kod: 062 07 320)

Bidan Pelajar: M1—$500-$685 sebulan.

Bidan Terlatih: M2—$550-$940 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.
b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang bersedia untuk kembali ke kampung masing-masing untuk berkhidmat sebagai Bidan setelah memperolehi kelayakan.

**Lain-lain Syarat:**

a) Calon-calon yang berjaya akan menjalani latihan selama 2 tahun di Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
b) Setelah menamatkan latihan selama 6 bulan, bidan-bidan pelajar yang tidak mencapai darjah yang memuaskan dalam menjalani latihan ini mungkin diberhentikan daripada jawatan mereka.
c) Tempat tinggal akan disediakan semasa menjalani latihan.
d) Bidan pelajar yang dilantik di bawah peraturan ini akan berhak mendapat pakain seragam dan elaun dhobi.

4. PENYEMAK:

(Bilangan Kod: 056 39 — 940)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 —$900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau kelulusan yang sebanding dengannya.
b) Berpengalaman dalam bidang kerja-kerja percetakan dan penerbitan tidak kurang dari 3 tahun.
c) Boleh menguasai 2 bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) dan dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membantu Ketua Penyemak dan Penyemak Kanan dalam kerja-kerja penyemakan untuk menentukan mutu dan keseragaman bentuk penerbitan.
b) Membuat pembaikan, pembetulan atau penyuntingan terhadap karangan atau manuskrip yang hendak diterbitkan.
c) Menyemak dan membetulkan untuk memelihara hakcipta penerbitan.

5. PEGAWAI FOTO:

(Bilangan Kod: 041 16 — 310)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 —$900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) DATEC Diploma dalam bidang Senifoto atau kelulusan dan bidang yang sebanding berkaitan dengannya.

ATAU

b) i) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) 3 tahun pengalaman dalam bidang Senifoto.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Bilik Gelap atau jawatan yang sebanding dengannya.
ii) 3 tahun pengalaman dalam bidang Senifoto.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

i) Membuat kerja-kerja penggambaran yang diarahkan oleh mana-mana pegawai di Jabatan Pusat Sejarah.
ii) Bertanggungjawab atas pemeliharaan semua alat-alat kelengkapan penggambaran.
iii) Membantu Pegawai Foto Kanan dalam tugas-tugas harian.

6. PEMBANTU PERHUTANAN:

(Bilangan Kod: 055 05 — 376)

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** D. 3-4 EB. 5 —$900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) TEC Diploma dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Sains atau Biologi.
ii) Berpengalaman dalam bidang Perhutanan tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Perhutanan Rendah atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

7) PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH:

(Bilangan Kod: 055 05-377)

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB. 3 — $530-$1125 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperolehi kelulusan dalam mata pelajaran sains, terutama sekali dalam mata pelajaran Botany atau Biology atau Matematik.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat tidak kurang dari satu tahun di Jabatan Perhutanan.
iii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperolehi kelulusan kepujian dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat tidak kurang dari tiga tahun di Jabatan Perhutanan.
ii) Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

8) JURUTAIP: (Bilangan Kod: 056 32 140)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menaip tidak kurang dari 3 tahun.

b) Mempunyai Sijil menaip dan trengkas merupakan satu kelebihan.

9) OPERATOR MALAM LELAKI: (Bilangan Kod: 095 38–020)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

**Tanggagaji:** D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Empat mata pelajaran Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Tiga tahun pengalaman sebagai telefonis atau telefon operator dan sebaik-baiknya mengetahui peraturan panggilan antarabangsa.

b) Mestilah mempunyai kebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

10) PENGAWAS TANAH-TANAH PERKUBURAN: (Bilangan Kod: 088 70–102)

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengetahuan Ugama Islam.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman dalam mengatur, mengawas dan mengawal pekerja-pekerja rendah tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam mengatur, mengawas dan mengawal pekerja-pekerja rendah.

b) Tahu membaca dan menulis jawi.

11) PEMBERITA:

Bilangan Kod: 009 15–930)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 —$900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Diploma dalam kewartawanan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pelatih Pemberita atau jawatan yang sebanding bersesuaian dengannya tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

c) Pengalaman dalam Pemberitaan tidak kurang dari 5 tahun dan dapat memperlihatkan kepercayaan serta membuktikan kecekapan dan kebolehannya.

**Lain-lain Syarat:**

Lulus ujian bertulis yang akan diadakan oleh Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Melaporkan kepada Penyunting yang bertugas bagi mendapatkan bahan berita segera. Bertindak sebagai penghubung utama dengan orang ramai mengikut arahan, dan mengambil gambar-gambar dan membuat rakaman acara-acara. Adakalanya dikehendaki untuk membantu dalam kerja-kerja menyunting.

12) OPERATOR TELEKS:

(Bilangan Kod: 059 38–044)

(Di Jabatan Arah Dasar dan Pentadbiran, Kementerian Pertahanan)

**Kelayakan:**

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonon mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987.

(E/2967/86)

Bilangan Pendaftaran: 6/1987

### JABATAN TELEKOM

### PENDAFTARAN PEMBEKAL-PEMBEKAL

RUJ.: A/1/1987

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pengusaha-pengusaha, pembekal-pembekal dan wakil-wakil yang berkelayakan untuk didaftarkan di dalam Jabatan Telekom bagi tahun 1987 sebagai pembekal-pembekal bagi sebahagian atau keseluruhan perkara-perkara yang tersebut di bawah.

Tanda 'PENDAFTARAN PEMBEKAL-PEMBEKAL A/1/1987' bagi semua permohonan hendaklah ditulis di sudut sebelah kiri sampul-sampul surat dan dialamatkan kepada Pengarah Telekom, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan hendaklah sampai ke pejabat ini pada atau sebelum 28 Februari, 1987.

Contoh borang permohonan dilampirkan di bawah:

**PERKARA**

1. Kabel-kabel Telefon (Telephone Cables)
2. Barang-barang keperluan kabel (Cable Accessories)
3. Rangka-rangka dan penutup saluran (Manholes Frames and cover)
4. Rangka-rangka bagi pembahagian kabel (Cable Distribution Frames)
5. Blok Terminal (Terminal Block)
6. Tiang-tiang dan pemasangannya (Logam dan Kayu) (Poles and Poles Fittings (Metal and Wooden)

CONTOH BORANG PERMOHONAN

Pendaftaran Pembekal-pembekal (A/1/1987)

Nama Pertubuhan :
Nama Ketua :
Alamat :
No. Telefon :
No. Teleks :
Keterangan bertulis mengenai pendaftaran Syarikat :
Surat sebagai wakil pembekal :
Perkara-perkara yang boleh dibekalkan :
Haribulan :

Tandatangan Ketua

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PEREKA

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

( Bilangan Kod: 009 16.265 )

**Tanggagaji :** C. 1 EB. 2 — $1280-$1930 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Lukisan.

ii) Berpengalaman tidak kurang dari 3 tahun dalam kerja-kerja rekabentuk atau Grafik.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pereka Rendah dalam bahagian Grafik atau Rekabentuk Set tidak kurang dari 5 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Unit Rekabentuk Set

i) Menyediakan rajah-rajah untuk set dan lukisan-lukisan termasuk 'elevations and structural details' seperti yang diarahkan oleh pegawai kanan.

ii) Menjalankan penyelidikan asas untuk rekabentuk-rekabentuk.

iii) Membantu Pereka dalam semua peringkat-peringkat pekerjaannya.

iv) Menolong dan membina model untuk rekabentuk set yang tertentu.

v) Menjalankan kerja rekabentuk set untuk penerbitan-penerbitan kecil.

b) Unit Grafik

i) Membuat rekabentuk grafik TV.

ii) Melaksanakan kerja-kerja membuat illustrasi, montages, tajuk-tajuk atau model untuk rancangan-rancangan TV.

iii) Memilih jenis permukaan dan cetakan dengan menggunakan mesin hot press atau letterset atau lain-lain kerja penghurufan.

vi) Menjalankan penyelidikan asas untuk kerja-kerja grafik TV/illustrasi/grafik-grafik berita.

2. PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH

( Bilangan Kod: 013 08.114 )
( Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan )

**Tanggagaji :** C. 1-2-3 EB. 4 — $1280-$2620 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan lulus Ilmu Hisab dalam Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam perangkaan tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

ii) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta berpengalaman dalam bidang perangkaan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

iii) Lulus Bahagian I dari Peperiksaan Institute of Statistician atau Sijil-Sijil yang sebanding dengannya serta berpengalaman tidak kurang dari 3 tahun.

b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih.

3. PENJADUAL

( Bilangan Kod: 013 03-320 )
( Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan )

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

atau

C.3 EB.4 — $1990-$2620 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Diploma (HND) dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh yang tidak kurang dari dua tahun akademik dan pengalaman bekerja adalah satu kelebihan.

ATAU

b) Ordinary National Diploma (OND) dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan berpengalaman dalam penjadualan (programming) tidak kurang dari lima tahun di sebuah syarikat/perbadanan dan penggunaan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TP dan RPG II.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III.

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

iii) Berpengalaman menjadual (programming) tidak kurang dari lima tahun dan pandai menggunakan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TO dan RPG II.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Membuat penjadualan (programming) dan juga untuk membantu Penganalisa Sistem dalam beberapa segi perkembangan sistem.

4. PENJADUAL

(Bilangan Kod 094 08-320)
(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

atau

C.3 EB.4 — $1990-$2620 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun.

b) i) Higher National Diploma (HND)/Higher National Certificate (HNC) dalam Computer Studies dan berpengetahuan Ilmu Hisab yang baik atau kelulusan-kelulusan yang sebanding yang diiktiraf dalam bidang penjadualan yang mana tempoh pengajiannya tidak kurang dari dua tahun akademik. Pengalaman bekerja dalam bidang penjadualan/sistem komputer adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

ii) Ordinary National Diploma (OND)/Ordinary National Certificate (HNC) dalam Komputer Studies dan berpengetahuan Ilmu Hisab yang baik atau kelulusan-kelulusan yang sebanding yang diiktiraf dalam bidang penjadualan yang mana tempoh pengajiannya tidak kurang dari dua tahun dan mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang dari lima tahun dengan Kerajaan atau Swasta dalam bidang penjadualan dan penggunaan FORTRAN 77.

ATAU

iii) Ordinary National Diploma (OND)/Ordinary National Certificate (ONC) dalam Land Surveying atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dan mempunyai lima tahun pengalaman dalam penggunaan dan penjadualan FORTRAN 77.

c) Pengalaman yang lalu dalam mengendalikan Prime Komputer dan PRIMOS adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Melengkapkan, mengubahsuai dan memelihara segala program-program dengan arahan dari Penganalisa Sistem. Dan juga akan dapat menolong melatih pengguna-pengguna komputer di jabatan ini.

5. PENOLONG PENJADUAL

(Bilangan Kod: 013 08-321)
(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji :** C. 1 EB. 2 — $1280-$1930 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Ordinary National Diploma (OND) dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) serta mempunyai dua tahun pengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Penjadual.

ATAU

ii) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).

ATAU

iii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta lima tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadua an (programming).

b) Pengalaman dalam bahasa komputer COBOL dan RPG II akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Membantu penjadual dalam membuat program (jadual).

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Februari, 1987.

Bil. Pendaftaran: 7/1987 (E/793/86)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN DAERAH BRUNEI-MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk membekalkan kayu kepada Jabatan Daerah Brunei-Muara bagi tempoh selama dua (2) tahun, iaitu mulai sebaik-baik sahaja keputusan Lembaga Tawaran dibuat dan dimaklumkan kepada yang berjaya tawarannya diterima. Jenis-jenis kayu yang dikehendaki oleh jabatan ini adalah jenis SELANGAN BATU, UPON, KAPUR BUKIT, MERANTI DAN MARAKA. Ukuran-ukuran kayu yang selalu digunakan oleh jabatan ini adalah seperti berikut:

KUMPULAN I:
KAYU JENIS SELANGAN BATU YANG TIDAK BERKETAM

1. 8″ x 8″ x 14′
2. 8″ x 8″ x 16′
3. 8″ x 8″ x 18′
4. 6″ x 6″ x 12′
5. 6″ x 6″ x 14′
6. 6″ x 6″ x 16′
7. 6″ x 6″ x 18′
8. 6″ x 6″ x 20′
9. 4″ x 4″ x 12′
10. 4″ x 4″ x 14′
11. 4″ x 4″ x 16′
12. 4″ x 4″ x 18′

KUMPULAN II:
KAYU JENIS UPON YANG TIDAK BERKETAM

1. 8″ x 8″ x 14′
2. 8″ x 8″ x 16′
3. 8″ x 8″ x 18′
4. 6″ x 6″ x 12′
5. 6″ x 6″ x 14′
6. 6″ x 6″ x 16′
7. 6″ x 6″ x 18′
8. 6″ x 6″ x 20′
9. 4″ x 4″ x 12′
10. 4″ x 4″ x 14′
11. 4″ x 4″ x 16′
12. 4″ x 4″ x 18′

KUMPULAN III:
KAYU JENIS KAPUR BUKIT YANG TIDAK BERKETAM

1. 6″ x 6″ x 12′
2. 6″ x 6″ x 14′
3. 6″ x 6″ x 16′
4. 6″ x 6″ x 18′
5. 6″ x 6″ x 20′
6. 4″ x 4″ x 12′
7. 4″ x 4″ x 14′
8. 4″ x 4″ x 16′
9. 4″ x 8″ x 18′
10. 4″ x 4″ x 20′
11. 3″ x 8″ x 12′
12. 3″ x 8″ x 14′
13. 3″ x 8″ x 16′
14. 4″ x 6″ x 12′
15. 4″ x 6″ x 14′
16. 4″ x 4″ x 16′
17. 3″ x 6″ x 12′
18. 3″ x 6″ x 14′
19. 3″ x 6″ x 16′
20. 3″ x 6″ x 18′
21. 4″ x 4″ x 12′
22. 4″ x 4″ x 14′
23. 4″ x 4″ x 16′
24. 4″ x 4″ x 18′
25. 3″ x 10″ x 14′
26. 3″ x 10″ x 16′
27. 3″ x 10″ x 18′
28. 3″ x 4″ x 10′
29. 3″ x 4″ x 14′
30. 3″ x 4″ x 18′
31. 3″ x 3″ x 12′
32. 3″ x 3″ x 14′
33. 3″ x 3″ x 16′
34. 3″ x 3″ x 18′
35. 2″ x 10″ x 14′
36. 2″ x 10″ x 18′
37. 2″ x 8″ x 16′
38. 2″ x 8″ x 18′
39. 2″ x 6″ x 12′
40. 2″ x 6″ x 14′
41. 2″ x 6″ x 16′
42. 2″ x 6″ x 18′
43. 2″ x 4″ x 12′
44. 2″ x 4″ x 14′
45. 2″ x 4″ x 16′
46. 2″ x 4″ x 18′
47. 2″ x 3″ x 12′
48. 2″ x 3″ x 14′
49. 2″ x 3″ x 16′
50. 2″ x 3″ x 18′
51. 2″ x 2″ x 10′
52. 2″ x 2″ x 12′
53. 2″ x 2″ x 14′
54. 2″ x 2″ x 16′
55. 2″ x 2″ x 18′
56. 1½″ x 6″ x 12′
57. 1½″ x 6″ x 16′
58. 1¼″ x 6″ x 12′
59. 1¼″ x 6″ x 16′
60. 1″ x 6″ x 16′

KUMPULAN IV:
KAYU JENIS KAPUR BUKIT YANG BERKETAM

1. 4″ x 4″ x 10′
2. 4″ x 4″ x 12′
3. 2″ x 8″ x 12′
4. 2″ x 8″ x 14′
5. 2″ x 8″ x 16′
6. 2″ x 8″ x 18′
7. 1″ x 8″ x 12′
8. 1″ x 8″ x 14′
9. 1″ x 8″ x 16′
10. 1″ x 8″ x 18′
11. 2″ x 4″ x 10′
12. 2″ x 4″ x 12′
13. 2″ x 4″ x 14′
14. 2″ x 4″ x 16′
15. 2″ x 4″ x 18′
16. 2″ x 3″ x 10′
17. 2″ x 3″ x 12′
18. 2″ x 3″ x 14′
19. 2″ x 3″ x 16′
20. 1″ x 1″ x 6′
21. 1″ x 1″ x 12′
22. 1″ x 1″ x 14′
23. 1″ x 1″ x 16′
24. 1″ x 1″ x 18′
25. 1″ x 4″ x 12′
26. 1″ x 4″ x 14′
27. 1″ x 4″ x 16′
28. 1″ x 4″ x 18′
29. 1″ x 2″ x 10′
30. 1″ x 2″ x 12′
31. 1″ x 2″ x 16′
32. 1″ x 2″ x 18′

KUMPULAN V:
KAYU JENIS MERANTI YANG TIDAK BERKETAM

1. 1″ x 6″ x 12′
2. 1″ x 6″ x 14′
3. 1″ x 6″ x 16′
4. 1″ x 4″ x 12′
5. 1″ x 4″ x 14′
6. 1″ x 4″ x 16′
7. 1″ x 8″ x 14′
8. 1″ x 8″ x 16′

KUMPULAN VI:
KAYU JENIS MARAKA YANG TIDAK BERKETAM

1. 2″ x 8″ x 16′
2. 1″ x 8″ x 16′
3. 2″ x 2″ x 16′
4. 1½″ x 4″ x 16′
5. 1″ x 4″ x 16′

KUMPULAN VII:
KAYU JENIS MERANTI YANG BERKETAM UNTUK DINDING

1. ¾″ x 8″ x 14′
2. ¾″ x 8″ x 16′
3. ¾″ x 8″ x 18′

2. Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga bagi tiap-tiap satu tan berat mengikut KUMPULAN JENIS KAYU atau menyatakan bilangan mengikut ukuran dari tiap-tiap KUMPULAN JENIS KAYU, jika berlainan harga. Harga tawaran tersebut hendaklah termasuk pengangkutan yang secara kayu-kayu yang dikehendaki supaya dihantar oleh pembekal ke Bengkel Jabatan Daerah Brunei-Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

3. Pembekal-pembekal yang berjaya hendaklah hanya membekalkan apabila pesanan dibuat dari semasa ke semasa mengikut kumpulan, jenis dan sukatan yang dikehendaki mengikut satu-satu pesanan itu.

4. Pembekal-pembekal mestilah bersedia dan boleh membekalkan ukuran-ukuran berlainan yang tidak termasuk dalam senarai tetapi yang biasanya boleh disediakan, mengikut harga tawaran kumpulan jenis kayu yang berkenaan dan sebanding.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membatalkan pembekal yang berjaya sekiranya terdapat perkhidmatan yang tidak memuaskan pada bila-bila masa atau/dan kemungkinan tidak lagi dipertimbangkan bagi tawaran-tawaran akan datang.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan bilangan tawaran Bil.: JDB/K/1/87. MEMBEKALKAN KAYU KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI-MUARA.

7. Semua tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 16 Februari 1987 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/06/1987

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DUA LIF DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987 (hari Isnin).

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Pemborong-pemborong yang berkelayakan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PESAKA

No. 5/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh 1. Ong Chek Teng, 2. Ong Chek Thian kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Lim Chin Teng yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah Cucu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Februari, 1987 jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 20 Januari, 1987.

No. 22/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mamud bin Dollah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Dayangku Mariam binti Pengiran Abas yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah abang kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 10 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Januari, 1987.

No. 23/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mamud bin Dollah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Zakaria bin Dollah yang telah meninggal dunia di dalam Bandar Seri Begawan dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik-beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Januari, 1987.

No. 171/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Said bin Alim, No. 16 A, Kampong Masin, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Zakaria bin Alim @ Jaya yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah abang kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 12 Januari, 1987.

No. 197/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajjah Hasiah binti Baha, No. 9 - 236, Kg. Sinarubai, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Omar bin Mail yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 19 Januari, 1987.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEMBEKALAN KENDERAAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk pembekalan bagi kenderaan-kenderaan yang berikut:—

a) Sebuah Land Cruiser, hort Wheelbase Hard Top 2300cc, Petrol Engine dengan atau tanpa alat berhawa dingin dan dipasang dengan Cross Country Tyre.

b) Dua buah Land Cruiser, Long Wheelbase, Hard Top 4000cc, Petrol Engine, dengan atau tanpa alat berhawa dingin dan dipasang dengan Cross Country Tyre.

2. Semua kenderaan hendaklah disediakan dengan talipinggang keselamatan untuk tempat duduk depan, perkakas kenderaan (tool kits) yang lengkap dan Alat Pemadam Api.

3. Semua kenderaan dikehendaki dicat dengan tiga lapisan warna hijau Pasukan Simpanan Gurkha.

4. Semua kenderaan hendaklah disebutkan harganya sama ada dengan atau tanpa "TUFF KOTE".

5. Semua kenderaan hendaklah disebutkan harganya sebagai CIF Brunei.

6. Tarikh yang akan dibekalkan hendaklah ditunjukkan.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa sebarang tanda dari penawar atau nama. Sampul surat hendaklah ditulis "PEMBEKALAN KENDERAAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA" disebelah sudut kiri sampul surat tersebut.

8. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke Kotak Tawaran, yang terletak di Tingkat 4, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Mac, 1987.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke da'am peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 11 Februari 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Kepada:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi | — | 11.00 pagi |
| | 2.00 petang | — | 3.00 petang |
| Isnin dan Sabtu | 8.00 pagi | — | 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DA/TQ/1/87 | Membekal dan Menghantar Radial Arm Saw | $100.00 |
| DA/TQ/2/87 | Membekal dan Menghantar Tilting Arbor Saw Bench | $100.00 |
| DA/TQ/3/87 | Membekal dan Menghantar High Precision Surface Planer | $100.00 |
| DA/TQ/4/87 | Membekal dan Menghantar Thicknesser | $100.00 |
| DA/TQ/5/87 | Membekal dan Menghantar Kayu tidak berketam | $100.00 |
| DA/TQ/6/87 | Membekal dan Menghantar Printed File | $100.00 |
| DA/TQ/7/87 | Membekal dan Menghantar Walkie Talkie | $100.00 |

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,

tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Februari 1987 bagi membekal perkara-perkara berikut:

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DMS/7/87 | To Supply, Deliver and Commission WARD EQUIPMENTS | $200.00 + $ 20.00 (dokumen) |
| DMS/8/87 | To Supply, Deliver, Install and Commission 1 UNIT VIDEO ENDOSCOPE SYSTEM COMPLETE | $100.00 + $ 15.00 (dokumen) |
| DMS/9/87 | To Supply, Deliver, Install and Commission MOBILE DIGITAL SUBSTRACTION ANGIOGRAPHY (FLUOROGRAPHY UNIT ETC.) | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat di atas dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan nama dan bilangan tawaran tanpa menunjukkan identiti pemohon.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai sahaja.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada Rabu 18 Februari, 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi | — | 11.00 pagi |
| | 2.00 petang | — | 3.00 petang |
| Isnin-Sabtu | 8.00 pagi | — | 10.00 pagi |

.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DA/TQ/ 8/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Sekolah Menengah Berakas | $300.00 |
| DA/TQ/ 9/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Maktab Sains dan Perumahan | $500.00 |
| DA/TQ/10/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Kawasan Perumahan | $500.00 |
| DA/TQ/11/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Perumahan Guru-Guru S.M. Muda Hashim, Tutong | $300.00 |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 11 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

ROJEK No.: AD414/0142
14 BLOK RUMAH PANGSA KELAS F/1, PERINGKAT B/1 BAGI CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 12 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 86AR/00500
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 10MM DAN 20MM BATU GRANIT KE DEPOT PERINDUSTRIAN JABATAN KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: JKR 13 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir atau Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/14700
MEMBEKAL, MEMASANG DAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGENDALI KUASA ELEKTRIK BAGI 8 UNIT PENSTOCKS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 14 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/14800
PEMBESARAN PEJABAT STOR DAN MAKMAL YANG SEDIA ADA BAHAGIAN SALURAN NAJIS DI JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 15 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009174
MEMBAIKI JAMBATAN BELANGKAS, JABATAN LAUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 16 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong hawa dingin berdaftar di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: AD403/0701 dan AD403/0501
MEREKABENTUK, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI DAN MENGKHIDMATKAN UNTUK KILANG BUNGKUSAN KEPINGAN AIS DAN PASANG SIAP STOR KEPINGAN AIS BAGI KOMPLEKS PELANTAR IKAN DI KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Rabu 11 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 17 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700
MEMBEKAL PAIP BESI MULOR, ALAT-ALAT PENYAMBUNGAN DAN PERKAKAS KHAS BAGI BEKALAN AIR BRUNEI — 1987 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: JKR 18 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700
MEMBEKAL PAIP-PAIP BESI KELULI, ALAT-ALAT PENYAMBUNG, PERKAKAS KHAS BAGI KAMPUNG AIR PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 19 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/26600
CADANGAN 2 BUAH JAMBATAN UNTUK JALAN RAMBAI, MERIMBUN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 20 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/JPK009
KLINIK PEMULIHAN ANGGOTA DI RUMAH SAKIT TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 21 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal Tempatan untuk:

PROJEK No.: AD506/1101
MEMBEKAL, MENYIMPAN DAN MENGHANTAR TIMBUNAN PAIP BESI KELULI LEMBUT —SEKOLAH MENENGAH LAMBAK — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 4 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: AD521/0103
PROPOSED CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG BUKIT SAWAT, ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF FOOTWAY JOINTING BOX NO. 0 COVER AND FRAME.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 9 Mac, 1987. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran yang terpilih akan dikehendaki menghantar contoh dengan perbelanjaan penender sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 21 hari selepas pemberitahuan.

4. Penendar-penendar yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh contoh sistem akan dikembalikan kepada penendar-penendar yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika penendar-penendar gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem tersebut dalam masa yang ditentukan tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah ini tanpa menunjukkan identiti pemborong:

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF FOOTWAY JOINTING BOX NO.: 0 COVER AND FRAME.

Tender Ref:
JTB/STEE(P)/18/86

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Telekom, Tingkat 1, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah $200.00 (tidak dikembalikan) dan $1,000.00 (dikembalikan).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan CEK TEMPATAN berserta dengan BANK GUARANTEE.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 247/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh 1) Chong Fung Kiaw, 2) Chan Kui Fah, 3) Chan Kui Khiong, 4) Chan Kui Kong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Chong Jee Hee @ Chong Je Haw yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak dan cucu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 9.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 26 Januari, 1987.

No. 195/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Abdul Hapidz bin P.O.K. Laksmana Awg Abdul Razak kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh (Pehin Orang Kaya Di Gadong Seri Diraja Dato Seri Setia) Haji Awang Mohd. Noor bin P.O.K. Laksmana Awg. Abdul Razak yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 17 Februari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Januari, 1987.

No. 228/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di perbuat oleh Pg Sabtu bin Pg Damit kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pg Damit bin Pg Metassan yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Januari, 1987.

No. 4/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di perbuat oleh Lasut bin Sain, B 3, Blok 79, Jalan Raja Isteri, Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Sain bin Guru yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 Januari, 1987.

No. 5/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hong How Eng P. O. Box 1996, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Fung Hac Ju @ Hong How Ju yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 Januari, 1987.

No. 259/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Abdul Halim bin Abdullah @ Saw Shoo Shin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Fatinah binti Abdullah @ Chung Siew Chin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 26 Januari, 1987.

No. 192/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Teo Kian Cheh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Teo Kui Lim @ Teo Mah Sooh/Teo Kwee Lim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 Februari, 1987 jam 2.00 petang.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 20 Januari, 1987.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Mac, 1987.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutharga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
4. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap tawaran sebanyak $100.00 dan akan dikembalikan kepada stiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL.: PROC/T/01/87
MEMBEKAL: FURNITURE

BIL.: PROC/T/02/87
MEMBEKAL: BEDFORD SPARES

BIL.: PROC/T/03/87
MEMBEKAL: PILOT WHITE BOARD

BIL.: PROC/T/04/87
MEMBEKAL: NYLON THREAD

BIL.: PROC/T/05/87
MEMBEKAL: BENCH GS.

BIL.: PROC/T/06/87
MEMBEKAL: GRAVITY ROLLER CONVEYOR

BIL.: PROC/T/07/87
MEMBEKAL: ELECTRIC BULB

BIL.: PROC/T/08/87
MEMBEKAL: ELECTROLYTE (BATTERY ACID) 1300cc

BIL.: PROC/T/09/87
MEMBEKAL: TYRES

BIL.: PROC/T/10/87
MEMBEKAL: ELEMENT WATER HEATER

BIL.: PROC/T/11/87
MEMBEKAL: OSCILLOSCOPE

BIL.: PROC/T/12/87
MEMBEKAL: LAND ROVER SPARES

BIL.: PROC/T/13/87
MEMBEKAL: FORKLIFT SPARES

BIL.: PROC/T/14/87
MEMBEKAL: CYGNUS RETAINING RINGS AND ETC.

BIL.: PROC/T/15/87
MEMBEKAL: AIR COMPRESSOR

BIL.: PROC/T/16/87
MEMBEKAL: FAN CEILING

BIL.: PROC/T/17/87
MEMBEKAL: MILITARY CLOTHING

BIL.: PROC/T/18/87
MEMBEKAL: BUCKET CHANNEL CUBE

BIL.: PROC/T/19/87
MEMBEKAL: LOCK UNION

BIL.: PROC/T/20/87
MEMBEKAL: VFT/TECUMSEH COMPRESSOR

BIL.: PROC/T/21/87
MEMBEKAL: ELECTRIC COOKER 2 RING

BIL.: PROC/T/22/87
MEMBEKAL: "SWANLUX"

BIL.: PROC/T/23/87
MEMBEKAL: RACAL SPARES

BIL.: PROC/T/24/87
MEMBEKAL: UNINYVIN CABLE & WIRE

BIL.: PROC/T/25/87
MEMBEKAL: TOWEL HAND GREEN LARGE

BIL.: PROC/T/26/87
MEMBEKAL: FIRE FIGHTING EQUIPMENT

BIL.: PROC/T/27/87
MEMBEKAL: MAIN RIM 'A' HOIST FOR SYNCRO 135 TON HOIST

BIL.: PROC/T/28/87
MEMBEKAL: LIFTEX SLING 40FT LONG POLYURETHANE

BIL.: PROC/T/29/87
MEMBEKAL: DUMPER TRUCK LIGHT BEDFORD 300.

BIL.: PROC/T/30/87
MEMBEKAL: "SORMA" SINGLE BRUSH MACHINE

BIL.: PROC/T/31/87
MEMBEKAL: FLOURESCENT PENETRANT

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN BOMBA
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin seperti tarikh yang ditetapkan di bawah bagi membekalkan perkara-perkara untuk Jabatan Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam.

**TAWARAN BIL. 1/1987**
Tajuk: "MEMBEKAL PERAHU BOMBA BAGI MELAWAN KEBAKARAN"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $500.00 (lima ratus ringgit)

**TAWARAN BIL. 2/1987**
Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS BOMBA"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $200.00 (dua ratus ringgit)

**TAWARAN BIL. 3/1987**
Tajuk: "MEMBEKAL LIGHT WATER 3 M BRAND DAN HIGH EXPANSION FORM"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $300.00 (tiga ratus ringgit).

**TAWARAN BIL. 4/1987**
Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS PENYELAMAT"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $300.00 (tiga ratus ringgit)

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Pegawai Turus Kanan Jabatan Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran yang lewat sampai selepas tarikh yang tersebut di atas tidak akan diterima.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

| | |
|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi – 11.00 pagi |
| | 2.00 petang – 3.00 petang |
| Isnin dan Sabtu | 8.00 pagi – 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|
| DA/TQ/12/87 | Membekal dan menghantar student desk and chairs | $500.00 | 25 Feb. |
| DA/TQ/13/87 | Membekal, menghantar dan mencetak buku rancangan dan persediaan mengajar bagi sekolah-sekolah rendah | $100.00 | 18 Feb. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Penyelenggara Stor Tingkat III

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKAT III di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

( Bilangan Kod: 036 39-143 )

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

c) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.

d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Mac, 1987. ( Bilangan Pendaftaran: 9/1987 ).

( E/211/81 )

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,

tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Februari 1987 bagi membekal perkara-perkara berikut:

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DMS/10/1987 | Membekal dan menghantar "Surgical Dressing" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |
| DMS/11/1987 | Membekal dan menghantar "Medical and Surgical Part Sundries" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |
| DMS/12/1987 | Membekal dan menghantar "Laboratory Supplies" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

4. Semua tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN RENDAH

( Bilangan Kod: 009 03 — 495 )

( Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri )

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Satu (1) mata pelajaran Sains atau Matematik Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sijil BTEC atau Diploma Elektronik atau Komunikasi) Peringkat III.

ATAU

c) City and Guilds (Komunikasi) T3.

ATAU

d) City and Guilds 324 Kursus Rawatan Radio, TV dan Elektronik tahun kedua.

ATAU

e) Memperolehi kelayakan-kelayakan yang setaraf dengan kelayakan-kelayakan di atas melalui lain-lain kursus elektronik, elektrik atau komunikasi.

ATAU

f) Telah menamatkan tidak kurang dari setahun tidak termasuk sebarang tempuh pengajian penuh masa dalam jawatan Pelatih Teknik dan telah lulus sekurang-kurangnya tahun pertama salah satu kursus yang disenaraikan di atas.

ATAU

g) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Juruletrik dengan Radio dan Televisyen tidak kurang dari 3 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Memberikan bantuan teknik umum kepada kakitangan pemeliharaan yang lebih kanan sebagai sebahagian daripada latihan amali mereka. Mereka boleh juga dilibatkan dalam tugas-tugas operasi di beberapa bahagian.

2. JURURAWAT KESIHATAN SEKOLAH:

( Bilangan Kod: 062 07 — 135 )

( Di Jabatan Perubatan dan Kesihatatn, Kementerian Kesihatan )

**Tanggagaji:** M. 4 EB. 5 — $930-$1490 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil State Register of Nurse atau yang sebanding dengannya.

b) Pengetahuan Bahasa Melayu serta berpengalaman dalam kerja-kerja Kesihatan ke Sekolah-Sekolah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas:**

Melaksanakan ujian-ujian "biasa" dan lain-lain tugas mengikut arahan Pegawai Kesihatan Sekolah-Sekolah.

3. PENGENDALI MESIN ATUR HURUF GAMBAR TINGKAT I:

( Bilangan Kod: 056 92 — 175 )

( Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan )

**Tanggagaji:** D. 4 EB. 5 — $1225-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Siil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pengendalian Mesin Pengatur Huruf tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pengendali Mesin Pengatur Huruf tidak kurang dari 3 tahun.

b) Mempunyai sijil menaip Peringkat Tertinggi dengan kepantasan tidak kurang dari 50 perkataan seminit adalah diutamakan.

c) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

d) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan biasa ke atas mesin tersebut.

4. PENGATUR HURUF TINGKAT III:

( Bilangan Kod: 056 92 — 122 )

( Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan )

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB.3-4 —$530-$1465 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman bekerja dengan Kerajaan atau dalam sebuah firma percetakan sebagai Pengatur Huruf.

b) Mempunyai Sijil Menaip peringkat permulaan.

c) Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.

d) Pernah menjalani latihan perantis sebagai pengatur huruf dengan sebuah badan dan latihan yang diakui merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang pemohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.

( E/925/74 ) 1987 ).

## KENYATAAN TAWARAN

### MEMBEKAL DAN MEMOTONG PAKAIAN SERAGAM BOMBA LAPANGAN TERBANG

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 11 Februari 1987. Tawaran-tawaran tersebut adalah seperti berikut: —

1. MEMBEKAL DAN MEMOTONG TEKLAN TWILL NAVY 600 LINEAR, KAIN LARUT API, BAGI PAKAIAN SERAGAM MEMADAM API RINGKAS (DUNGAREE) LENGKAP DIPASANG DENGAN 18' ZIP

| | | |
|---|---|---|
| i. | Baju Jacket panjang tangan, dibuka dengan 18' zip, lengkap dengan seluar | $.........sepasang |
| ii. | Baju Jacket panjang tangan dibuka dengan 18' zip sahaja | $.........sehelai |
| iii. | Seluar panjang bagi yang di atas | $.........sehelai |

2. MEMBEKAL DAN MOMOTONG PAKAIAN SERAGAM DARI KAIN DEKRON BERWARNA BIRU BAGI PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG

| | | |
|---|---|---|
| iv. | Pakaian Seragam Pegawai, pendek tangan bentuk bush jacket lengkap dengan seluar | $.........sepasang |
| v. | Pakaian seragam pegawai, jacket sahaja | $.........sehelai |
| vi. | Seluar bagi di atas | $.........sehelai |
| vii. | Baju kemeja putih panjang tangan | $.........sehelai |
| viii. | Pakaian seragam Ahli Bomba, pendek tangan bentuk bush jacket lengkap dengan seluar | $.........sepasang |
| ix. | Jacket pendek tangan sahaja | $.........sehelai |
| xi. | Seluar bagi di atas | $.........sehelai |

3. Pakaian seragam hendaklah disiapkan dalam tempoh waktu yang berpatutan dan mengikut sebagaimana yang diaturkan oleh Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang. Jika didapati tidak mengikuti sebagaimana yang diaturkan maka pakaian seragam tersebut akan dikembalikan kepada pemborong bagi memperbaiki dengan tidak mengenakan sebarang bayaran tambahan.

4. Butir-butir lanjut bersabit dengan kain (material) dan pakaian seragam boleh diperolehi dari Pegawai Stor, Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.

5. Tempoh memborong ialah untuk dua tahun mulai, dari tarikh yang dibenarkan, oleh Lembaga Tawaran Kecil. Perjanjian memborong boleh ditamatkan oleh antara kedua belah pihak dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa tertutup, tanpa menunjukkan sebarang tanda bagi namanama pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, dan ditulis dengan jelas: — MEMBEKAL KAIN DAN MEMOTONG PAKAIAN SERAGAM PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang rendah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN BOMBA

NO. 5/1987

TAWARAN adalah bagi RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "TENDER FOR RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS, JABATAN BOMBA."

4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pegawai Perhubungan & Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak $500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

# [..]wang Haji Asnawi [..]juara Perlawanan Catur Kebangsaan

[..]NG Haji Md. Asnawi [..]aji Abd. Halim berjaya [..]uarai Peraduan Catur [..]uka sempena Hari [..]teraan Kebawah Duli [..] Maha Mulia Paduka [..]aginda Sultan dan Yang [..]uan Negara Brunei [..]alam ke-40 tahun baru-[..]i anjuran Persatuan [..]Kebangsaan Brunei.

[..]u memenangi piala [..] Kebawah Duli Yang [..] Mulia Paduka Seri [..] Sultan dan Yang Di-[..]n Negara Brunei [..]lam dan wang tunai [..]

[..]pat kedua dimenangi [..]wang Mail bin Yusof [..] tiga, Awang Charito [..]o.

[..]kala dalam bahagian [..] pula johan [..]ngi oleh Awang [..] bin Haji Ahmad [..] wang tunai $150.00. [..]dimenangi oleh Awang [..]Hashri Md. Halim dan [..] Awang Mahmud bin [..]rahim.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Naib Presiden Persatuan Catur Kebangsaan, Dato Paduka Awang Anthony Chin di jamuan makan malam di sebuah restoran di sini.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN



DATO Paduka Awang Anthony Chin, Naib Presiden Persatuan Catur Kebangsaan menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Md. Asnawi. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Sepak takraw antara regu:

# 67 pasukan berentap

[..]LAH 67 buah pasukan [..]p dalam kejohanan [..] takraw antara regu-[..]ang berlangsung di [..]elia minggu lepas.

[..]anan yang julung-[..] kali diadakan itu [..]gikan kepada beberapa [..]n, dan pusingan awal [..]nan itu dijalankan [..]kalah mati.

[..]ausaha Kehormat [..]aru, Pengiran Haji [..]an berkata, penyertaan [..]n-pasukan dalam ke-[..]n ini merupakan yang [..]r pernah dicatatkan.

[..]yertaan yang sebegini [..] merupakan yang [..]r dan satu rekod baru [..] arena sepak takraw [..] ini. Dengan penyer-[..]ni, secara langsung [..]ngkitkan sukan sepak [..] sudah mulai men-[..]" tegasnya.

[..]u menambah dengan [..]nya ramai pemain-[..]n baru dalam ke-[..]n ini harapan kita un-[..]memberi tentangan [..] pasukan-pasukan luar [..]ringkat antarabangsa [..]in mencabar dan [..]h.

[..]angku Timbalan [..]ah Kebajikan, Belia [..]ukan, Awang Abd. [..]n bin Haji Mohiddin [..]merasmikan kejohanan [..]ut dan seterusnya [..]enalkan kepada [..]an-pasukan yang [..]rtai kejohanan itu.



[..]NGKU Timbalan Pengarah [..]jikan, Belia dan Sukan, Awang [..] Rahman diperkenalkan kepada [..]-ketua pasukan yang menyer-[..]ejohanan sepak takraw antara [..]-regu di Pusat Belia (atas [..]n).



[..]AH seorang pemain membuat [..]lan di depan jaring [..]imanapun gagal menepati [..]an (kiri). — Gambar oleh [..]ran Haji Yaakub.

# Kegiatan sukan di sana sini

## Kejohanan badminton anjuran PBKBD bermula 8 Februari

KEJOHANAN Badminton anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan (PBKBD) Negara Brunei Darussalam akan bermula pada 8 Februari ini.

Menurut jurucakap persatuan itu, kejohanan tersebut dibahagikan enam bahagian — Bahagian berpasukan akan disertai oleh 25 buah pasukan; berpasukan wanita disertai oleh enam pasukan ; bergu lelaki disertai oleh 36 pasukan; bergu wanita disertai tujuh pasukan; 10 pasukan menyertai dalam bahagian bergu veteran lelaki dan perseorangan lelaki akan disertai oleh seramai 39 orang peserta.

Jurucakap itu menambah, kejohanan yang merupakan projek tahunan persatuan itu akan diadakan di Dewan Pusat Belia di ibu negara.

## Kelab B-sepak March United muncul sebagai juara

KELAB Bola Sepak March United dari Mukim Pekan Tutong muncul sebagai juara Kejohanan Bola Sepak F.A. Daerah Tutong setelah menewaskan Pasukan Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD) dengan jaringan 6 berbalas 5 melalui sepakan penalti, apabila kedua pasukan seri 1-1 termasuk masa tambahan.

Dalam pusingan awal March United menewaskan PMS 1-0 dan menewaskan Pertama 3-2, manakala Pasukan Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD) menewaskan Rambai Forest 4-2, dan menewaskan Perda 2-0.

Sementara itu juara liga Divisyen Satu disandang oleh Pasukan Sang Jati Dusun, juara Divisyen Dua disandang oleh March United, juara Divisyen Tiga dimenangi oleh Pasukan Real Pena dan juara Divisyen Empat ialah Rambai Forest.

Hadiah-hadiah kemenangan disampaikan oleh Yang Dipertua TDAFA, Awang Kasim bin Metali.

## Peringkat akhir Kejohanan Polo Air diadakan 15 Feb.

PERINGKAT akhir Kejohanan Polo Air Kebangsaan kali pertama akan diadakan pada 15 Februari depan bertempat di Kolam Renang Anggerek Desa, Berakas.

Pusingan awal kejohanan itu telah dijalankan di tempat yang sama pada hari Ahad 1 Februari lalu.

Dalam perlawanan pada hari itu, Pasukan Skim 'A', Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan telah menumpaskan pasukan Polis Diraja Brunei dengan kiraan 17 berbalas 1. Sementara Pasukan 'A', Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengalahkan pasukan'B' Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejumlah lima buah pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dalam usahanya untuk mengenalkan permainan tersebut di negara kita.

Menurut pihak penganjur, kejohanan itu diadakan ialah bagi merebut piala 'Laila Wijaya' yang disumbangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz, Menteri Perhubungan.

## 30 sertai perlumbaan renang kumpulan umur

PERLUMBAAN renang kumpulan umur anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan telah dilangsungkan di Kolam Renang Anggerek Desa, Berakas pada 1 Februari lepas.

Seramai 30 orang peserta berumur antara lapan hingga 17 tahun telah mengambil bahagian dalam 31 acara yang dipertandingkan termasuk enam acara terbuka.

Dalam perlumbaan renang terbuka lelaki, Awang Haji Mohd. Yusof Noor telah mencatatkan satu rekod baru dalam acara 400 meter gaya bebas dengan catatan masa 5 minit 19.05 saat.

Menurut jurucakap pihak penganjur, perlumbaan itu diadakan adalah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat para perenang muda di negara kita.

Sementara itu perlumbaan jemputan renang kebangsaan Brunei akan diadakan pada 1 Mac depan di tempat yang sama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat pulang pada 31 Januari selepas menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam di Kuwait. Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan. Sejurus selepas berangkat pulang doa selamat telah dibacakan seperti kelihatan dalam gambar atas. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# D.P.P.W berangkat pulang

Dari muka 1

Negara kita di persidangan itu telah diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah merupakan kali kedua negara kita menyertai persidangan itu sejak diterima menjadi ahli pada 15 Januari 1984 selepas mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat.

Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam itu telah berlangsung selama tiga hari iaitu dari 26 hingga 28 Januari yang lalu yang antara lain telah membincangkan masalah Timur Tengah, Afghanistan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan umat Islam di seluruh dunia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat pulang ke tanahair pada 31 Januari lepas.

Keberangkatan pulang Duli Yang Teramat Mulia telah disambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Berangkat pulang termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang yang terdahulu sebelum itu mewakili negara ini untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negera Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

## Hubungan terus ditingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan William Hayden, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia sempena Hari Kebangsaan Australia dan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Shri Narayan Datt Tiwari, Menteri Hal Ehwal Luar, Republik India sempena Hari Republik negara tersebut yang masing-masing jatuh pada 26 Januari 1987 yang lalu.

Dalam kedua-dua perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan harapan agar hubungan antara Brunei Darussalam dan Australia; Brunei Darussalam dan Republik India akan dapat dipertingkatkan bagi faedah rakyat masing-masing.

## Memajukan pembangunan:

# Penglibatan pelbagai peringkat penting

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penglibatan dan komitmen dari pelbagai peringkat merupakan resepi yang penting bagi memajukan satu-satu pembangunan.

Oleh: Haniza Abdullah

Demikian ditegaskan oleh Yang Behormat Menteri Pembangunan, Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit ketika merasmikan mesyuarat agung kali ke-5 Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) di Dewan Serbaguna, Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan pada 26 Januari lepas.

Katanya, kita memang menyedari bahawa bagi memajukan satu-satu proses pembangunan, penglibatan dari semua peringkat rakyat seperti pihak perancang, pemborong, pembekal, konsultan, pekerja-pekerja dan lain-lain merupakan resepi penting yang harus disedari dan diamalkan oleh para profesional.

Dalam proses yang dimaksudkan itu Yang Berhormat juga menekankan beberapa perkara seperti tanggungjawab, kualiti sifat-sifat ahli profes yang perlu kita sama-s mempertimbangkan meneliti akan kepenting nya.

Di antara tanggungja yang dimaksudkan itu dari segi bidang kerja, alam sekitar dan masa de negara.

Tanggungjawab meliputi aspek-as kehidupan dan kebudayaa mana konsep ini sei dengan cita-cita neg dalam memupuk mempertinggikan kebu yaan dan cara hidup rakya negara ini, di samping m bantu dalam meningka kemahiran dan tek pengurusan pendu penduduk terutama ke pemborong dan peng bumiputera.

Selain itu para profes juga bertanggungja dalam usaha menja amalan-amalan keji se rasuah dan pecah am dalam mempertingkat keselamatan dan ke pekerjaan.

Tanggungjawab ke alam sekitar menurut Y Berhormat termasuk memastikan bahawa seb 'side effect' dari projek p itu tidak berlaku b pencemaran alam sekit samping memastikan te bekerja bersih dan sele

Sementara tanggung ke atas masa depan ne pula ujar Yang Berh ialah membantu men pasti strategi pemban jangka panjang dilaksanakan untuk jamin Negara Br Darussalam sentiasa aman makmur dan prod

Lebih 50 orang had majlis itu termasuk Tim Menteri, Setiausaha S usaha Tetap Keme ketua-ketua jaba pegawai-pegawai kana ahli-ahli jawatankuasa PU

PUJA ditubuhkan tahun lalu dengan matlamat iaitu bagi jukan dan meningkatka kemampuan bidang kejuruteraan, senibina pengukuran sebagai peringkat kehidupan rak Negara Brunei Dar khasnya.

# Menghargai pembangunan penting dalam nation building

BANDAR SERI BEGAWAN. — Salah satu aspek yang penting dalam nation building ialah menilai dan menghargai pembangunan dan jangan sampai kita sendiri jadi perosak pembangunan.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan berkata demikian ketika mengulas tajuk 'Nation Building' sejurus sebelum merasmikan pameran Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) bertempat di Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini 25 Januari lepas.

Dalam konteks ini katanya, setiap individu, kumpulan masyarakat, pengguna ataupun consumer hendaklah bertanggungjawab terhadap penyebaran dan penghayatan 'culture' seperti itu.

Oleh yang demikian ujarnya, nation building bukanlah perkara yang boleh dilakukan dalam satu atau dua tahun malah mengambil masa yang panjang berasaskan usaha yang tidak putus-putus.

Sebagaimana perkara lain menurutnya, nation building juga ada menghadapi rintangan yang bukan sahaja dalam bentuk kewangan, tenaga, keupayaan teknologi dan seumpamanya tetapi juga masalah masyarakat seperti perosak harta benda dan sebagainya.

Berdasarkan perkara tersebut beliau berharap usaha PUJA akan memberikan pendedahan dan menimbulkan kesedaran betapa pentingnya kita memiliki keupayaan teknologi kepakaran dan kebolehan daripada orang tempatan.

Tajuk pameran PUJA tahun ini ialah 'Ke arah Pembangunan Negara Yang Sempurna.'

Tema ini adalah selaras dengan matlamatnya iaitu antara lain menganjur, mengenal serta memajukan bidang-bidang sains iaitu ukur bahan, kejuruteraan dan senibina sesuai dengan matlamat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pameran selama dua hari itu antara lain mempamerkan berbagai model yang telah direka dan dibentuk.



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan memotong pita ketika merasmikan Pameran Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA). — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

## RAMALAN CUACA
### ←-- minggu ini --→

KEADAAN cuaca cerah pada keseluruhannya, manakala menjelang hujung minggu ini, hujan di kawasan pantai berkemungkinan berlaku pada tiap-tiap awal pagi.

Ramalan cuaca ini adalah untuk 3 hingga 10 Feb. 1987.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.